



# Laporan Ketua Audit Negara

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI

**NEGERI SELANGOR**

TAHUN 2010



DEWAN NEGERI SELANGOR

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI  
NEGERI SELANGOR  
TAHUN 2010

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





## KANDUNGAN



# KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
<b>KATA PENDAHULUAN</b>	vii
<b>INTISARI LAPORAN</b>	xiii
<b>BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010</b>	
Pendahuluan	3
Objektif Dan Kaedah Pengauditan	4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010	4
<b>BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Prestasi Kewangan	7
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	7
Wang Tunai	9
Pelaburan	11
Akaun Hasil Disatukan	13
Akaun Pinjaman Disatukan	20
Akaun Amanah Disatukan	20
Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	32
Akaun Memorandum	34
Rumusan Dan Syor Audit	44
<b>BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Pencapaian Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-9	49
Rumusan	53
<b>BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI</b>	
Pendahuluan	57
Penambahbaikan Pengurusan Kewangan Oleh Jabatan/Agensi Kerajaan Negeri	57
Pelaksanaan Indeks Akauntabiliti	59
Objektif Pengauditan	60
Skop Dan Kaedah Pengauditan	60
Kawalan Utama	60
Penemuan Audit	71
Syor Audit	75
Pemeriksaan Audit Mengejut	75
Pendahuluan	75
Penemuan Audit	76

**PERKARA****MUKA SURAT****BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN,  
PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN  
PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	79
Pengauditan Penyata Kewangan	79
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	79
Pengesahan Penyata Kewangan	80
Pembentangan Penyata Kewangan	81
Prestasi Penyata Kewangan	82
Rumusan Dan Syor Audit	84

**BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT  
NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	87
Mesuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri	87

<b>PENUTUP</b>	91
----------------	----

**LAMPIRAN**

I Sijil Ketua Audit	95
II Lembaran Imbangan	96
III Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	97
IV Penyata Akaun Memorandum	98
V Penyata Akaun Hasil Disatukan	99
VI Nota Kepada Penyata Kewangan	100



## KATA PENDAHULUAN



# KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen, manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan untuk dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 2 kaedah pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** - Pengauditan ini bertujuan untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Jabatan Audit Negara juga membuat analisis terhadap penyata kewangan sama ada kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri sangat baik, baik, memuaskan dan tidak memuaskan.

**1.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan** - untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Jabatan/Agenzi Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan. Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah memperkenalkan Indeks Akauntabiliti bertujuan untuk membuat penilaian secara objektif terhadap pencapaian pengurusan kewangan. Jabatan memperkenalkan Indeks Akauntabiliti (AI) untuk menanda aras prestasi pengurusan kewangan jabatan/agensi secara objektif dan telus bagi mengukur dan menambah baik ke arah pengurusan kewangan yang cemerlang. AI diberi berdasarkan kepada tahap pematuhan terhadap peraturan-peraturan kewangan berhubung dengan kawalan pengurusan, terimaan, perbelanjaan, kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit, aset dan stor, pinjaman, pelaburan dan penyata kewangan. Dengan pelaksanaan AI ini, ia boleh membantu mewujudkan budaya kerja berasaskan amalan terbaik. Selain itu, budaya “**membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul**” bukan sahaja dapat mempertingkatkan kecemerlangan pengurusan kewangan jabatan/agensi malah aspek integriti, keutuhan dan akauntabiliti yang ditekankan oleh Kerajaan akan dapat dicapai.

2. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010 disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di beberapa Jabatan/Agenzi Negeri sepanjang tahun 2010. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010, pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen yang berkaitan dengan pembayaran dan terimaan telah dijalankan di Pejabat Perbendaharaan Negeri.

3. Laporan saya mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2010 mengandungi perkara berikut:

- |                     |   |
|---------------------|---|
| <b>BAHAGIAN I</b>   | - Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010     |
| <b>BAHAGIAN II</b>  | - Analisis Kewangan Kerajaan Negeri   |
| <b>BAHAGIAN III</b> | - Rancangan Pembangunan Kerajaan Negeri   |
| <b>BAHAGIAN IV</b>  | - Pencapaian Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri  |
| <b>BAHAGIAN V</b>   | - Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri     |
| <b>BAHAGIAN VI</b>  | - Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri |

4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap Laporan ini dapat dijadikan sebagai salah satu asas untuk memperbaiki segala kelemahan, usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti serta integriti dalam pengurusan wang awam. Ini penting untuk menjamin setiap Ringgit Malaysia yang dipungut dan dibelanjakan akan dapat menyumbang kepada pembangunan dan keselesaan hidup rakyat.

5. Pada pendapat saya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri dan tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri boleh ditingkatkan sekiranya semua pihak yang terlibat mengamalkan 5 perkara yang diringkaskan sebagai **SIKAP** iaitu:

- a. **SUPERVISION** – Penyeliaan yang rapi diberi kepada kerja yang diserahkan kepada pegawai bawahan. Ketua Jabatan perlu memastikan garis panduan yang jelas dan terperinci disediakan sebagai rujukan oleh penjawat awam untuk menjalankan tugas mereka. Penjawat awam perlu melaporkan kemajuan kerja mereka secara berkala.
- b. **INTEREST** – Setiap penjawat awam perlu melaksanakan tugas mereka dengan penuh minat, dedikasi dan tidak bersikap sambil lewa.
- c. **KNOWLEDGE** – Setiap penjawat awam mempunyai pengetahuan yang cukup dalam bidang tugas masing-masing. Bagi tujuan ini, program latihan yang berterusan perlu dilaksanakan.
- d. **ATTITUDE** – Setiap penjawat awam melaksanakan tugas masing-masing dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.
- e. **PROCEDURE** – Prosedur kerja yang lengkap dan jelas diwujudkan serta dipatuhi.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi Negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia.

Putrajaya

13 Jun 2011





## **INTISARI LAPORAN**



# **INTISARI LAPORAN**

## **BAHAGIAN I - PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

1. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010. Semua butiran dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Akaun Memorandum telah disertakan dengan dokumen sokongan yang mencukupi.

## **BAHAGIAN II - ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

2. Kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2010 adalah memuaskan. Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan Negeri meningkat sejumlah RM266.91 juta (20.2%) kepada RM1,586.88 juta pada tahun 2010 berbanding RM1,319.97 juta pada tahun 2009. Hasil Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1,571.50 juta menurun sejumlah RM192.36 juta (10.9%) berbanding tahun 2009 yang berjumlah RM1,763.86 juta. Perbelanjaan mengurus yang dilakukan turut menurun sejumlah RM382.56 juta (20.9%) menjadi RM1,447.26 juta pada tahun 2010 berbanding RM1,829.82 juta pada tahun 2009. Kerajaan Negeri berjaya mengurangkan tunggakan hasil negeri sejumlah RM99.87 juta (16.6%) kepada RM502.05 juta pada tahun 2010 berbanding RM601.92 juta pada tahun 2009. Pulangan atas pelaburan jangka panjang yang dilakukan adalah tidak memuaskan apabila Kerajaan Negeri Selangor mendapat pulangan dividen yang sangat rendah dalam tempoh 5 tahun kebelakangan iaitu tahun 2006 hingga 2009 dan tiada dividen diterima bagi tahun 2010. Usaha memperkuatkkan ekonomi, menambah hasil dan belanja berhemat tanpa menjaskan kualiti perkhidmatan, sistem penyampaian awam dan sumbangan kepada rakyat dapat membantu mempertingkatkan lagi kedudukan kewangan Kerajaan Negeri.

## **BAHAGIAN III - RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**

3. Sehingga akhir tahun 2010, hanya sebanyak 927 projek (64.5%) yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-9. Walaupun pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-9 bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2010 mencapai 92.1%, hanya sebanyak 1,108 (77.1%) daripada 1,437 projek yang diluluskan telah siap dan sedang dilaksanakan.

#### **BAHAGIAN IV - PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/AGENSI NEGERI**

4. Secara umumnya, prestasi pengurusan kewangan tahun 2010 di 4 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Perbendaharaan Negeri, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selayang serta Jabatan Perancang Bandar Dan Desa adalah pada tahap sangat baik, 11 Jabatan/Agensi Negeri adalah pada tahap baik dan satu Agensi Negeri pada tahap memuaskan. Manakala pada tahun 2009, satu Agensi Negeri yang diaudit adalah pada tahap sangat baik, 14 Jabatan/Agensi Negeri pada tahap baik dan satu Agensi Negeri pada tahap memuaskan. Jabatan/Agensi Negeri boleh mempertingkatkan pengurusan kewangan ke tahap yang lebih baik jika langkah penambahbaikan dijalankan oleh Jabatan/Agensi. Antara langkah yang perlu diambil adalah dengan menganjurkan program latihan/kursus yang berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam pengurusan kewangan agar mereka dapat meningkatkan pengetahuan dan kompetensi dalam melaksanakan tugas.

#### **BAHAGIAN V - PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

5. Pada tahun 2010, penyerahan Penyata Kewangan Agensi Kerajaan Negeri Selangor adalah baik. Kesemua Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan telah dapat menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2009 masing-masing mengikut tempoh yang ditetapkan untuk diaudit kecuali Majlis Sukan Negeri Selangor dan Kumpulan Wang Hospital Tai Wa. Manakala setakat 31 Mei 2011, sebanyak 19 daripada 25 Penyata Kewangan tahun 2010 telah diserahkan untuk pengesahan. Sebanyak 23 Penyata Kewangan tahun 2009 telah dikeluarkan Sijil Audit iaitu 20 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Tanpa Teguran dan 3 penyata kewangan diberi Sijil Berteguran berbanding dengan Penyata Kewangan tahun 2008, di mana sebanyak 17 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran dan 8 Sijil Audit Berteguran. Sehingga 31 Mei 2011, Laporan Ketua Audit Negara mengenai semua Penyata Kewangan bagi tahun 2009 yang perlu dibentang di Dewan Negeri Selangor telah dibentangkan antara bulan Julai 2010 hingga Mac 2011.

#### **BAHAGIAN VI - PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

6. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2009 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 8 November 2010. Pada tahun 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor tidak membincangkan perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2009. Namun begitu, jawatankuasa ini telah bermesyuarat 4 kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008.



**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA**  
**KEWANGAN KERAJAAN**  
**NEGERI SELANGOR**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR**  
**31 DISEMBER 2010**



**BAHAGIAN I**  
**PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

## 1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan, 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan Penyata Kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh 7 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 kepada Jabatan Audit Negara pada **14 Februari 2011**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2010 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Lembaran Imbangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan bayaran bagi tahun 2010. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal serta bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan Negeri. Aset Kerajaan Negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut, Pelaburan dan Tunggakan Hasil Negeri. Manakala tanggungan Kerajaan Negeri pula terdiri daripada Hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.6. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan serta maklumat lain yang perlu didedahkan.

## **2. OBJEKTIF DAN KAEDEH PENGAUDITAN**

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2010. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan Jabatan Negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

## **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

3.1. Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan Penyata Kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian Penyata Kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2010 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Lembaran Imbangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Akaun Memorandum, Penyata Akaun Hasil Disatukan serta Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I hingga Lampiran VI.**



## **BAHAGIAN II**

# **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**



## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### 4. PRESTASI KEWANGAN

Jabatan Audit Negara membuat analisis terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010. Analisis berkaitan meliputi Penyata Wang Tunai, Penyata Pelaburan, Penyata Hasil Disatukan, Penyata Akaun Pinjaman Disatukan, Penyata Akaun Amanah Disatukan dan Penyata Akaun Memorandum.

##### 4.1. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

4.1.1. Mengikut Lembaran Imbangan, jumlah Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2010 adalah RM1,586.88 juta. Jumlah tersebut terdiri daripada aset berbentuk wang tunai RM918.27 juta dan pelaburan sejumlah RM668.61 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor bagi tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.1**.

**Jadual 4.1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Hasil Disatukan	608.01	732.25	124.24	20.4
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	711.96	854.63	142.67	20.0
	a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	447.32	449.63	2.31	0.5
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	123.63	128.23	4.60	3.7
	ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	4.08	13.59	9.51	233.1
	iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	318.48	305.72	(12.76)	(4.0)
	iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	1.13	2.09	0.96	84.9
	b. Kumpulan Wang Amanah Awam	145.45	276.45	131.00	90.0
	c. Akaun Wang Deposit	119.19	128.55	9.36	7.9
	<b>Jumlah</b>	<b>1,319.97</b>	<b>1,586.88</b>	<b>266.91</b>	<b>20.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.1.2. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM266.91 juta (20.2%) kepada RM1,586.88 juta pada tahun 2010 berbanding RM1,319.97 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM124.24 juta (20.4%) dan Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM142.67 juta (20%). Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.2** dan **Carta 4.1**.

**Jadual 4.2**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Akaun Hasil Disatukan	492.99	624.86	673.97	608.01	732.25
2.	Akaun Pinjaman Disatukan	0	0	0	0	0
3.	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	498.76	761.88	750.69	711.96	854.63
	a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	155.21	443.77	494.63	447.32	449.63
	i. Kumpulan Wang Pembangunan	167.79	108.66	124.96	123.63	128.23
	ii. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	16.49	17.98	8.45	4.08	13.59
	iii. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(28.11)	317.28	360.18	318.48	305.72
	iv. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	(0.96)	(0.15)	1.04	1.13	2.09
	b. Kumpulan Wang Amanah Awam	141.20	188.36	155.88	145.45	276.45
	c. Akaun Wang Deposit	87.99	129.75	100.18	119.19	128.55
	d. Akaun Kena Bayar	114.36	*	*	*	*
	<b>Jumlah</b>	<b>991.75</b>	<b>1,386.74</b>	<b>1,424.66</b>	<b>1,319.97</b>	<b>1,586.88</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

Nota: \* Baki Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2007 Hingga 2010 Diambil Kira Di Bawah Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

**Carta 4.1**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.1.3. Analisis Audit mendapati Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan trend meningkat sejumlah RM432.91 juta (43.6%) daripada tahun 2006 kepada RM1,424.66 juta pada tahun 2008. Bagaimanapun, Kumpulan Wang Disatukan menurun sejumlah RM104.69 juta (7.3%) kepada RM1,319.97 juta pada tahun 2009 berbanding RM1,424.66 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2010, Kumpulan Wang Disatukan meningkat semula sejumlah RM266.91 juta (20.2%) kepada RM1,586.88 juta berbanding RM1,319.97 juta pada tahun 2009 yang merupakan paras yang tertinggi dalam tempoh 5 tahun. Trend ini adalah selari dengan trend

peningkatan Akaun Hasil Disatukan yang meningkat sejumlah RM180.98 juta (36.7%) daripada RM492.99 juta pada tahun 2006 kepada RM673.97 juta pada tahun 2008 sebelum menurun kepada RM608.01 juta iaitu sejumlah RM65.96 juta (9.8%) pada tahun 2009. Pada tahun 2010, Akaun Hasil Disatukan meningkat sejumlah RM124.24 juta (20.4%) berbanding tahun 2009. Manakala baki Akaun Amanah Disatukan menunjukkan trend meningkat sejumlah RM263.12 juta (52.7%) daripada sejumlah RM498.76 juta pada tahun 2006 menjadi RM761.88 juta pada tahun 2007 sebelum menurun sejumlah RM49.92 juta (6.6%) menjadi RM711.96 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, baki Akaun Amanah Disatukan meningkat semula sejumlah RM142.67 juta (20%) berbanding tahun 2009.

#### **4.2. WANG TUNAI**

4.2.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan sebagai aset Kerajaan Negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada Akaun Semasa dan Deposit Dalam Negeri. Wang Tunai Dalam Perjalanan ialah wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam Buku Tunai. Wang Tunai Dalam Tangan pula terdiri daripada Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas. Kedudukan baki wang tunai bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.3**.

**Jadual 4.3  
Kedudukan Baki Wang Tunai Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	611.90	906.58	294.68	48.2
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	2.30	8.73	6.43	279.6
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	3.00	2.96	(0.04)	(1.3)
	<b>Jumlah</b>	<b>617.20</b>	<b>918.27</b>	<b>301.07</b>	<b>48.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.2.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2010 dan 2009 menunjukkan peningkatan yang ketara pada tahun 2010 berjumlah RM301.07 juta (48.8%) menjadi RM918.27 juta berbanding RM617.20 juta pada tahun 2009. Baki Wang Tunai Dalam Perjalanan meningkat sejumlah RM6.43 juta (279.6%) menjadi RM8.73 juta pada tahun 2010 berbanding RM2.30 juta pada tahun 2009. Baki Wang Tunai Dalam Bank pula meningkat sejumlah RM294.68 juta (48.2%) menjadi RM906.58 juta pada tahun 2010 berbanding RM611.90 juta pada tahun 2009. Manakala Wang Tunai Dalam Tangan mencatatkan penurunan sejumlah RM0.04 juta (1.3%) menjadi RM2.96 juta pada tahun 2010 berbanding RM3 juta pada tahun 2009. Pada keseluruhannya, peningkatan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2010 adalah disebabkan jumlah penerimaan iaitu RM1,753.44 juta adalah lebih tinggi berbanding pembayaran berjumlah RM1,452.37 juta iaitu lebih sejumlah RM301.07 juta. Ini adalah kerana penurunan perbelanjaan mengurus dan pembangunan masing-masing sebanyak 24.9% dan 22.9% pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.


4.2.3. Baki dan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2006 hingga tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.4** dan **Carta 4.2**.

**Jadual 4.4**  
**Baki Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Wang Tunai Dalam Bank	565.47	738.05	725.98	611.90	906.58
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	5.02	38.34	6.31	2.30	8.73
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.05	0.05	1.35	3.00	2.96
<b>Jumlah</b>		<b>570.54</b>	<b>776.44</b>	<b>733.64</b>	<b>617.20</b>	<b>918.27</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4.2**  
**Kedudukan Wang Tunai Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.2.4. Urus niaga yang tidak dapat dipadankan dalam Penyata Penyesuaian Bank memberi impak kepada baki Wang Tunai Dalam Bank sama ada jumlah tersebut terlebih atau terkurang dinyatakan. Urus niaga yang tidak dapat dipadankan dalam Penyata Penyesuaian Bank bagi tempoh melebihi 6 bulan sehingga 7 tahun telah menurun daripada sejumlah RM285.11 juta pada bulan Mei 2010 menjadi sejumlah RM150.09 juta pada bulan Disember 2010. Pasukan Petugas Perbendaharaan Negeri terus melaksanakan usaha bagi menangani masalah ini. Sehingga bulan Mei 2011, sejumlah RM85.88 juta daripada sejumlah RM150.09 juta telah dapat diselaraskan. **Baki sejumlah RM64.21 juta akan disemak oleh pihak Perbendaharaan Negeri dari semasa ke semasa sebelum pelarasan dibuat. Daripada RM64.21 juta tersebut, sejumlah RM59.36 juta (92.4%) merupakan urus niaga yang tidak dapat dipadankan bagi tahun 2006 dan tahun-tahun sebelumnya.**

### 4.3. PELABURAN

4.3.1. Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan, 1957 menyatakan Kerajaan Negeri boleh membuat pelaburan di bank, institusi kewangan dan syarikat sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan yang dibuat melalui wang lebihan Akaun Kumpulan Wang Hasil Disatukan ditunjukkan di Lembaran Imbang. Manakala pelaburan melalui peruntukan Perbelanjaan Mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum. Berdasarkan kepada Lembaran Imbang baki pelaburan Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2010 berjumlah RM668.61 juta berbanding RM702.77 juta pada tahun 2009 iaitu penurunan sejumlah RM34.16 juta (4.9%). Kedudukan pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.5**.

**Jadual 4.5  
Kedudukan Pelaburan Kerajaan Negeri Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Kategori	Tahun		Peningkatan/Penurunan	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>					
1.	Tabung Warisan	231.70	252.59	20.89	9.0
2.	Tabung Pinjaman Perumahan Ehsan	100.00	100.00	0	0
3.	Jaminan Bank Pertanian Malaysia	20.57	20.57	0	0
	<b>Jumlah Pelaburan Kumpulan Wang Amanah</b>	<b>352.27</b>	<b>373.16</b>	<b>20.89</b>	<b>5.9</b>
<b>Pelaburan Am</b>					
4.	Saham	260.50	245.45	(15.05)	(5.8)
5.	Deposit Dalam Negeri	90.00	50.00	(40.00)	(44.4)
	<b>Jumlah Pelaburan Am</b>	<b>350.50</b>	<b>295.45</b>	<b>(55.05)</b>	<b>(15.7)</b>
	<b>Jumlah</b>	<b>702.77</b>	<b>668.61</b>	<b>(34.16)</b>	<b>(4.9)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.3.2. Analisis perbandingan kedudukan pelaburan bagi tahun 2010 dan tahun 2009 menunjukkan penurunan jumlah pelaburan pada tahun 2010. Penurunan ini disebabkan oleh penurunan dalam Pelaburan Am iaitu sejumlah RM55.05 juta (15.7%) walaupun terdapat peningkatan dalam pelaburan Tabung Warisan iaitu sejumlah RM20.89 juta (9%).

4.3.3. Baki pelaburan Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.6**.

**Jadual 4.6  
Baki Pelaburan Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	295.19	319.30	340.52	352.27	373.16
2.	Pelaburan Am	126.02	291.00	350.50	350.50	295.45
	<b>Jumlah Pelaburan</b>	<b>421.21</b>	<b>610.30</b>	<b>691.02</b>	<b>702.77</b>	<b>668.61</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.3.4. Analisis trend mendapati jumlah pelaburan meningkat setiap tahun dari tahun 2006 hingga 2009. Bagaimanapun, pada tahun 2010, peningkatan hanya pada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah manakala Pelaburan Am menurun. Ini disebabkan **saham Petronas Dagangan Berhad dan Malaysia Airports Holdings Berhad berjumlah RM15.05 juta yang telah dijual oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSKS) pada tahun 2005** telah dilaraskan menjadi Pinjaman Boleh Dituntut daripada PSKS mulai tahun 2010 mengikut keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada bulan Februari tahun 2010.

4.3.5. Analisis perbandingan antara pelaburan dengan penerimaan dividen dari semua pelaburan dilaksanakan untuk tempoh 5 tahun kebelakangan iaitu daripada tahun 2006 hingga 2010 bagi mengukur sejauh mana pelaburan Kerajaan Negeri memberi pulangan dividen bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri. Analisis Audit mendapati pelaburan saham dan dividen yang diterima pada tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.7**.

**Jadual 4.7**  
**Pelaburan Saham Dan Dividen Yang Diterima Pada Tahun 2006 Hingga 2010**

Tahun	Pelaburan			Dividen Diterima
	Penyata Memorandum (RM Juta)	Pelaburan Am (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)	
2006	211.56	126.02	337.58	0
2007	141.48	201.00	342.48	7,300
2008	130.10	260.50	390.60	7,300
2009	131.10	260.50	391.60	0
2010	131.10	245.45	376.55	5,885,429

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.3.6. Analisis Audit mendapati dividen yang dibayar oleh Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) bagi tahun 1999 hingga 2007 berjumlah RM6.54 juta telah diterima oleh Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] selaku pemegang amanah kepada pelaburan Kerajaan Negeri Selangor. Pada tahun 2010, MMKN telah meluluskan pemberian sebanyak 10% daripada jumlah dividen PNSB berjumlah RM0.65 juta kepada MBI dan bakinya RM5.89 juta (1.6%) dibayar kepada Kerajaan Negeri dalam Akaun Amanah Pakej Rangsangan Ekonomi Selangor. Pada bulan Mac dan Oktober 2010, baki dividen berjumlah RM5.89 juta telah dibayar oleh MBI. Dividen yang dibayar oleh Perbadanan Nasional Berhad (PNS) pada tahun 2009 berjumlah RM11,100 telah dibayar oleh MBI kepada Kerajaan Negeri pada bulan Januari 2011. Selain itu, pada tahun 2007 dan 2008 dividen yang diterima adalah kurang daripada 0.002% iaitu berjumlah RM14,600. Kadar pulangan dividen ini adalah sangat rendah dan sangat tidak memuaskan.

4.3.7. Kesemua 11 pelaburan iaitu PNSB, Kumpulan Darul Ehsan Berhad, Pendidikan Industri Yayasan Selangor, SSIC Berhad, Rashid Hussain Asset Management Sdn. Bhd., Bukit Beruntung Golf & Country Club, Rantaian Mesra Sdn. Bhd., Kumpulan Semesta Sdn. Bhd., Tourism Selangor Sdn. Bhd., MSNS Holdings Sdn. Bhd. dan PNS pada kos pelaburan RM376.55 juta tidak membayar dividen pada tahun 2010.

#### **4.4. AKAUN HASIL DISATUKAN**

Akaun Hasil Disatukan mengakaunkan semua urus niaga penerimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957. Kerajaan Negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2010 dengan surplus berjumlah RM124.24 juta. Surplus ini berpunca daripada kutipan hasil berjumlah RM1,571.50 juta melebihi Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri yang berjumlah RM1,447.26 juta. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan adalah seperti berikut:

##### **4.4.1. Hasil**

4.4.1.1. Kerajaan Negeri memungut 3 jenis hasil yang terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2010 adalah berjumlah RM1,571.50 juta iaitu menurun sejumlah RM192.36 juta (10.9%) berbanding sejumlah RM1,763.86 juta pada tahun 2009 seperti di **Jadual 4.8**.

**Jadual 4.8**  
**Pungutan Hasil Negeri Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Hasil Cukai	471.56	517.74	46.18	9.8
2.	Hasil Bukan Cukai	471.15	674.06	202.91	43.1
3.	Terimaan Bukan Hasil	821.15	379.70	(441.45)	(53.8)
<b>Jumlah</b>		<b>1,763.86</b>	<b>1,571.50</b>	<b>(192.36)</b>	<b>(10.9)</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

4.4.1.2. Analisis Audit menunjukkan Terimaan Bukan Hasil mencatatkan penurunan paling ketara yang menyumbang kepada penurunan hasil secara keseluruhan iaitu sejumlah RM441.45 juta menjadi RM379.70 juta pada tahun 2010 berbanding RM821.15 juta pada tahun 2009. Penurunan yang ketara ini disebabkan pada tahun 2009, Kerajaan Negeri Selangor telah menerima Terimaan Daripada Syarikat Berkaitan iaitu sejumlah RM391.99 juta berbanding tiada terimaan pada tahun 2010. Terimaan tersebut adalah kerana penstruktur semula hutang syarikat Talam Corporation Berhad kepada syarikat subsidiari Kerajaan Negeri iaitu Kumpulan Hartanah Selangor Berhad, Universiti Industri Selangor dan PNSB. Penstruktur semula ini melibatkan penjualan hutang tersebut kepada Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd. (SIC) sebelum diperoleh semula oleh Kerajaan Negeri melalui MBI. Transaksi penstruktur semula ini adalah berbentuk *One Off* iaitu tiada terimaan selepas tahun 2009. Selain itu, Pemberian Jalan Raya/Lorong juga menurun sejumlah RM70 juta (28%) menjadi RM180 juta pada tahun 2010 berbanding RM250 juta pada tahun 2009. Manakala tiada penerimaan Pemberian Pertumbuhan Hasil pada tahun 2010. Bagaimanapun, Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai masing-masing telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM46.18 juta (9.8%) dan

RM202.91 juta (43.1%) menjadi RM517.74 juta dan RM674.06 juta pada tahun 2010 berbanding RM471.56 juta dan RM471.15 juta pada tahun 2009.

4.4.1.3. Peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.9**.

**Jadual 4.9**  
**Peningkatan/Penurunan Hasil Yang Ketara Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)		Punca Peningkatan/Penurunan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>Terimaan Bukan Hasil</b>						
1.	Terimaan Daripada Syarikat Berkaitan Kerajaan	391.99	0.00	(391.99)	(100.0)	Jualan hutang oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Selangor Industrial Corporation Sdn. Bhd. (SIC) pada tahun 2009 adalah merupakan transaksi berbentuk <i>One Off</i> iaitu tiada kutipan dibuat pada tahun seterusnya selepas tahun 2009.
2.	Pemberian Jalan Raya/Lorong	250.00	180.00	(70.00)	(28.0)	Penurunan perbelanjaan yang dilaraskan ke Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2010 selaras dengan penurunan perbelanjaan penyelenggaraan jalan pada tahun 2010.
3.	Pemberian Pertumbuhan Hasil	27.16	0.00	(27.16)	(100.0)	Tiada terimaan bagi pemberian ini oleh semua Kerajaan Negeri termasuk Negeri Selangor kerana tiada pertambahan hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2009.
<b>Hasil Bukan Cukai</b>						
4.	Premium Geran Tanah	268.45	465.48	197.03	73.4	Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Haram oleh Pihak Berkuasa Negeri dan penguatkuasaan pekeliling garis panduan pembayaran Borang 5A (Caj Cukai Tanah Tahun Pertama dan Premium Tanah) oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor.
5.	Tanah Dan Galian	20.25	28.04	7.79	38.5	Peningkatan bilangan permit yang diluluskan pada tahun 2010 lebih tinggi berbanding bilangan permit yang diluluskan pada tahun 2009.
<b>Hasil Cukai</b>						
6.	Cukai Tanah Tahun Pertama	5.18	18.48	13.30	256.8	Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Haram oleh Pihak Berkuasa Negeri dan penguatkuasaan pekeliling garis panduan pembayaran Borang 5A (Caj Cukai Tanah Tahun Pertama dan Premium Tanah) oleh Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor.
7.	Cukai Tanah Semasa	352.82	365.36	12.54	3.6	Pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Cukai Tanah (Ops Kutip) secara menyeluruh dengan kerjasama Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor serta semua Pejabat Daerah Dan Tanah Negeri Selangor.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor


4.4.1.4. Trend pungutan Hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.10** dan **Carta 4.3**.

**Jadual 4.10**  
**Pungutan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Hasil Cukai	452.16	446.05	495.83	471.56	517.74
2.	Hasil Bukan Cukai	494.72	559.82	676.94	471.15	674.06
3.	Terimaan Bukan Hasil	213.32	279.23	343.57	821.15	379.70
<b>Jumlah</b>		<b>1,160.20</b>	<b>1,285.10</b>	<b>1,516.34</b>	<b>1,763.86</b>	<b>1,571.50</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4.3**  
**Pungutan Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.4.1.5. Analisis trend mendapati hasil Kerajaan Negeri mencatatkan peningkatan yang konsisten dari tahun 2006 hingga 2009 iaitu RM1,160.20 juta pada tahun 2006 kepada RM1,763.86 juta pada tahun 2009 sebelum menurun sejumlah RM192.36 juta (10.9%) menjadi RM1,571.50 juta pada tahun 2010.


4.4.1.6. Penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri adalah terdiri daripada Premium Geran Tanah, Cukai Tanah Semasa dan Pemberian Jalan Raya/Lorong. Butiran hasil ini telah menyumbang sejumlah RM1,010.84 juta (64.3%) daripada jumlah hasil tahun 2010 yang berjumlah RM1,571.50 juta. Analisis perbandingan kutipan hasil mengikut penyumbang utama hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.11** dan **Carta 4.4**.

**Jadual 4.11**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Butiran	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Premium Geran Tanah	309.28	330.03	458.93	268.45	465.48
2.	Cukai Tanah Semasa	320.08	318.61	334.75	352.82	365.36
3.	Pemberian Jalan Raya/ Lorong	23.03	66.00	150.00	250.00	180.00
<b>Jumlah</b>		<b>652.39</b>	<b>714.64</b>	<b>943.68</b>	<b>871.27</b>	<b>1,010.84</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4.4**  
**Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

#### 4.4.2. Perbelanjaan Mengurus

4.4.2.1. Hasil Kerajaan Negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Bagi Maksud Tanggungan, perbelanjaan dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Maksud Bekalan adalah seperti emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Maksud Bekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan-badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri pada keseluruhannya menurun sejumlah RM382.56 juta (20.9%) iaitu daripada RM1,829.82 juta pada tahun 2009 kepada RM1,447.26 juta pada tahun 2010 seperti di **Jadual 4.12**.

**Jadual 4.12**  
**Perbelanjaan Mengurus Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	242.93	256.96	14.03	5.8
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	291.48	302.74	11.26	3.9
3.	Aset	1.20	4.54	3.34	278.3
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,283.09	868.64	(414.45)	(32.3)
5.	Perbelanjaan Lain	11.12	14.38	3.26	29.3
<b>Jumlah</b>		<b>1,829.82</b>	<b>1,447.26</b>	<b>(382.56)</b>	<b>(20.9)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.4.2.2. Analisis Audit menunjukkan kuantum penurunan perbelanjaan mengurus mengatasi peningkatan. Perbelanjaan mengurus meningkat sejumlah RM31.89 juta pada tahun 2010 bagi semua maksud perbelanjaan kecuali maksud perbelanjaan Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap yang menurun sejumlah RM414.45 juta.

4.4.2.3. Antara penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.13**.

**Jadual 4.13**  
**Penurunan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Penurunan		Punca Penurunan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap</b>						
1.	Pemberian Dalam Negeri	1,247.48	772.42	(475.06)	(38.1)	Pengurangan pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan serta tiada lagi pemberian geran kepada Selangor Industrial Corporation (SIC) sebanyak RM391.97 juta bagi pembelian hutang Syarikat Talam Corporation Berhad yang merupakan transaksi berbentuk <i>One Off</i> pada tahun 2009.
2.	Tuntutan Insurans Dan Pampasan	6.42	3.60	(2.82)	(43.9)	Penurunan bagi bayaran kes mahkamah yang melibatkan bayaran rayuan dan bayaran guaman.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.4.2.4. Manakala antara peningkatan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2010 berbanding 2009 adalah seperti di **Jadual 4.14**.

**Jadual 4.14**  
**Peningkatan Perbelanjaan Yang Ketara Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan		Punca Peningkatan
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)	
<b>Perkhidmatan Dan Bekalan</b>						
1.	Perkhidmatan Ikhtisas Dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli Dan Hospitaliti	101.17	116.11	14.94	14.8	Antara punca peningkatan perbelanjaan adalah: <ul style="list-style-type: none"> <li>Kenaikan elauan guru Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain.</li> <li>Tambahan perbelanjaan sejumlah RM0.65 juta untuk pembayaran gaji dan elauan 10 orang Setiausaha Kanan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.</li> <li>Bil rawatan hospital swasta dan Institut Jantung Negara (IJN) meningkat sejumlah RM0.13 juta.</li> <li>Pembayaran liputan Persidangan Dewan dan <i>Select Committee On Competency, Accountability And Transparency</i> berjumlah RM0.14 juta.</li> </ul>
<b>Aset</b>						
2.	Kenderaan Dan Jentera	0.13	3.29	3.16	2,430.8	Bayaran bagi membekal kenderaan untuk 13 Jabatan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.
<b>Perbelanjaan Lain</b>						
3.	Pulangan Balik Dan Hapus Kira	10.25	13.70	3.45	33.7	Bayaran pulangan balik bagi hasil permodalan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) Sdn. Bhd., pulang balik hasil premium ke atas Akademi Badminton, bayaran balik premium ukur/tanda sempadan serta bayaran balik bagi pemberimilikan tanah Kerajaan untuk tapak Kolej Kejururawatan Klang.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor


4.4.2.5. Trend perbelanjaan mengurus bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.15** dan **Carta 4.5**.

**Jadual 4.15**  
**Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Emolumen	171.86	169.28	223.26	242.93	256.96
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	253.70	286.13	272.93	291.48	302.74
3.	Aset	13.74	11.27	2.84	1.20	4.54
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	638.29	675.22	959.66	1,283.09	868.64
5.	Perbelanjaan Lain	10.10	11.32	8.55	11.12	14.38
<b>Jumlah</b>		<b>1,087.69</b>	<b>1,153.22</b>	<b>1,467.24</b>	<b>1,829.82</b>	<b>1,447.26</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4.5**  
**Perbelanjaan Mengurus Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

#### 4.4.3. Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan

4.4.3.1. Analisis terhadap prestasi kewangan Akaun Semasa mengambil kira perbandingan antara hasil dengan perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh perakaunan semasa dan tahun sebelumnya untuk mengukur surplus atau defisit bagi Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2010, Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatatkan peningkatan surplus sejumlah RM190.20 juta (288.4%) menjadikan surplus berjumlah RM124.24 juta berbanding defisit RM65.96 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh penurunan perbelanjaan mengurus sejumlah RM382.56 juta (20.9%) yang lebih besar berbanding penurunan hasil sejumlah RM192.36 juta (10.9%) seperti di **Jadual 4.16**.

**Jadual 4.16**  
**Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil	1,763.86	1,571.50	(192.36)	(10.9)
Perbelanjaan Mengurus	1,829.82	1,447.26	(382.56)	(20.9)
<b>Surplus/(Defisit)</b>	<b>(65.96)</b>	<b>124.24</b>	<b>190.20</b>	<b>288.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.4.3.2. Prestasi hasil berbanding Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.17**.

**Jadual 4.17**  
**Prestasi Kewangan Akaun Hasil Disatukan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Butiran	Tahun				
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Hasil	1,160.20	1,285.10	1,516.34	1,763.86	1,571.50
Perbelanjaan Mengurus	1,087.69	1,153.22	1,467.24	1,829.82	1,447.26
<b>Surplus/(Defisit)</b>	<b>72.51</b>	<b>131.88</b>	<b>49.10</b>	<b>(65.96)</b>	<b>124.24</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.4.3.3. Analisis Audit menunjukkan prestasi kewangan Akaun Hasil Disatukan mencatatkan surplus mulai tahun 2006 hingga tahun 2008. Bagaimanapun, pada tahun 2009 prestasi kewangan menunjukkan defisit sejumlah RM65.96 juta sebelum kembali mencatatkan surplus pada tahun 2010 sejumlah RM124.24 juta.

#### **4.5. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN**

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut kehendak Seksyen 7(b) Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaun semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan, bayaran balik pinjaman dan pindahan penerimaan ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan atau Akaun Hasil Disatukan. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri tidak membuat pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

#### **4.6. AKAUN AMANAH DISATUKAN**

Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah diakaunkan mengikut kehendak Akta Amanah, Arahan Amanah dan Surat Cara Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit. Baki Kumpulan Wang ini pada 31 Disember 2010 adalah berjumlah RM854.63 juta berbanding RM711.96 juta pada akhir tahun 2009 iaitu meningkat sejumlah RM142.67 juta (20%). Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 4.18**.

**Jadual 4.18**  
**Baki Akaun Amanah Disatukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	447.32	449.63	2.31	0.5
2.	Kumpulan Wang Amanah Awam	145.45	276.45	131.00	90.0
3.	Akaun Wang Deposit	119.19	128.55	9.36	7.9
	<b>Jumlah</b>	<b>711.96</b>	<b>854.63</b>	<b>142.67</b>	<b>20.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

#### 4.6.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran dari kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Kumpulan Wang Amanah ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

##### 4.6.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 70) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup serta Sewa Gerai. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.19**.

**Jadual 4.19**  
**Baki Kumpulan Wang Pembangunan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	124.96	123.63	(1.33)	1.1
Terimaan	707.02	549.70	(157.32)	22.3
Perbelanjaan	708.35	545.10	(163.25)	23.1
Surplus/(Defisit)	(1.33)	4.60	5.93	445.9
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>123.63</b>	<b>128.23</b>	<b>4.60</b>	<b>3.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- b. Pada tahun 2010, Kumpulan Wang ini telah mengalami lebihan sejumlah RM4.60 juta berbanding defisit sejumlah RM1.33 juta pada tahun 2009. Lebihan yang berlaku disebabkan penerimaan sejumlah RM549.70 juta adalah lebih tinggi daripada perbelanjaan sejumlah RM545.10 juta. Ini menyebabkan baki terkumpul Kumpulan

Wang Pembangunan pada akhir tahun 2010 turut meningkat sejumlah RM4.60 juta menjadi RM128.23 juta berbanding RM123.63 juta pada akhir tahun 2009.

- c. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM545.10 juta bagi membayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM708.35 juta pada tahun 2009. Kedudukan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.20**.

**Jadual 4.20**

**Perbelanjaan Pembangunan Berbanding Peruntukan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Maksud Perbelanjaan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)	263.05	209.21	(53.84)	(20.5)
2.	Perbendaharaan Negeri (Projek Am)	6.58	13.41	6.83	103.8
3.	Perbendaharaan Negeri (Pengkomputeran)	0.99	0.86	(0.13)	(13.1)
4.	Jabatan Pertanian Negeri	14.96	12.00	(2.96)	(19.8)
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri	226.86	139.54	(87.32)	(38.5)
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	45.11	32.26	(12.85)	(28.5)
7.	Jabatan Agama Islam Selangor	96.98	97.54	0.56	0.6
8.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	2.54	2.40	(0.14)	(5.5)
9.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	6.30	6.52	0.22	3.5
10.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.64	0.35	(0.29)	(45.3)
11.	Perbendaharaan Negeri (Luar Jangka)	44.34	31.01	(13.33)	(30.1)
<b>Jumlah</b>		<b>708.35</b>	<b>545.10</b>	<b>(163.25)</b>	<b>23.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- d. Analisis Audit mendapati 3 daripada 11 vot mencatatkan peningkatan dan sebanyak 8 vot mengalami penurunan Perbelanjaan Pembangunan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.
- e. Jabatan Kerja Raya Negeri mencatatkan penurunan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM87.32 juta atau 38.5% menjadi RM139.54 juta pada tahun 2010 berbanding sejumlah RM226.86 juta pada tahun 2009. Penurunan ini antaranya disebabkan terdapatnya pengurangan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2010 bagi butiran 04109 (Melebarkan Jalan Dan Memperkuuhkan Jalan Monterez Ke Tentera Udara DiRaja Malaysia) sejumlah RM30.90 juta. Ini adalah kerana pada tahun 2009, perbelanjaan yang besar dibuat bagi tujuan pengalihan utiliti dan pengambilan tanah selain daripada bayaran kemajuan projek.
- f. Pejabat Menteri Besar Dan SUK mencatatkan penurunan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM53.84 juta (20.5%) menjadi RM209.21 juta pada tahun 2010 berbanding sejumlah RM263.05 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan pada tahun 2010 terdapatnya pengurangan perbelanjaan yang ketara

bagi butiran 25001 (Pengambilan Balik Tanah) sejumlah RM61.20 juta. Ia disebabkan perbelanjaan pada tahun 2010 hanya melibatkan bayaran pampasan 15 projek sahaja berjumlah RM23.50 juta berbanding 22 projek yang berjumlah RM84.70 juta pada tahun 2009.

- g. Perbelanjaan Luar Jangka mencatatkan penurunan perbelanjaan ketiga tertinggi iaitu sejumlah RM13.33 juta (30.1%) menjadi RM31.01 juta pada tahun 2010 berbanding sejumlah RM44.34 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan pada tahun 2010 terdapatnya pengurangan perbelanjaan yang ketara bagi butiran 0201 dan 0203, yang melibatkan antaranya pelbagai pembayaran seperti peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Cina Persendirian dan Sekolah Tamil di Negeri Selangor, bayaran pampasan tanah untuk projek pembangunan, sistem paip agihan dan penempatan semula setinggan.

#### **4.6.1.2. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan**

- a. Kumpulan Wang ini diwujudkan bertujuan untuk memberi pinjaman kepada penjawat awam Kerajaan Negeri Selangor membeli tanah dan rumah. Bahagian Pinjaman Perumahan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri bertanggungjawab meluluskan pinjaman, manakala Perbadaharaan Negeri bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan rekod perakaunan berkaitan pengeluaran dan bayaran balik pinjaman perumahan. Kedudukan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.21**.

**Jadual 4.21**  
**Kedudukan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan**  
**Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Butiran	Tahun		Peningkatan/(Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki pada 1 Januari	8.45	4.08	(4.37)	(51.7)
Bayaran Balik Pinjaman	39.35	168.14	128.79	327.3
Pinjaman Diberi	43.72	158.63	114.91	262.8
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>4.08</b>	<b>13.59</b>	<b>9.51</b>	<b>233.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- b. Analisis perbandingan kedudukan baki Kumpulan Wang ini bagi tahun 2010 dan 2009 menunjukkan peningkatan berjumlah RM9.51 juta (233.1%) menjadi RM13.59 juta pada tahun 2010 berbanding RM4.08 juta pada tahun 2009. Peningkatan baki Kumpulan Wang ini disebabkan penerimaan bayaran balik pinjaman berjumlah RM168.14 juta lebih tinggi daripada pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM158.63 juta pada tahun 2010.

#### **4.6.1.3. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2010, Penyata Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengandungi 142 akaun terdiri daripada 94 Akaun Penyelesaian, 2 Akaun Perniagaan, 40 Akaun Pinjaman, satu Akaun

Kumpulan Wang Luar Jangka dan 5 Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.22**.

**Jadual 4.22**  
**Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**  
**Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	(104.15)	(119.75)	(15.60)	14.9
2.	Akaun Perniagaan	3.04	2.84	(0.20)	(6.6)
3.	Akaun Pinjaman	30.68	22.68	(8.00)	(26.1)
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	8.10	8.10	0.00	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang	380.81	391.85	11.04	2.9
<b>Jumlah</b>		<b>318.48</b>	<b>305.72</b>	<b>(12.76)</b>	<b>(4.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- b. Analisis Audit menunjukkan pada akhir tahun 2010, baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ini menurun sejumlah RM12.76 juta atau 4% menjadi RM305.72 juta berbanding RM318.48 juta pada tahun 2009. Penurunan baki akaun ini disebabkan oleh penurunan amaun Akaun Penyelesaian sejumlah RM15.60 juta kepada RM119.75 juta berbanding RM104.15 juta pada tahun 2009 dan baki Akaun Pinjaman yang menurun sejumlah RM8 juta kepada RM22.68 juta berbanding RM30.68 juta pada tahun 2009. Analisis Audit mendapati penurunan ketara melibatkan Baki Penyelesaian Cek Terbatal sejumlah RM16.05 juta menjadi RM31.88 juta berbanding RM47.93 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan oleh pelarasan cek yang tidak dituntut melebihi tempoh 6 tahun dan dikreditkan ke Akaun Hasil. Manakala baki Akaun Pinjaman PSKS meningkat sejumlah RM15.05 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh penstrukturran semula hutang PSKS sebanyak RM15.15 juta bagi pembelian saham Petronas Dagangan Berhad dan Malaysia Airports Holdings Berhad.
- c. Selain itu, Pelbagai Kumpulan Wang telah meningkat sejumlah RM11.04 juta (2.9%) menjadi RM391.85 juta pada tahun 2010 berbanding RM380.81 juta pada tahun 2009. Antara akaun di bawah Pelbagai Kumpulan Wang adalah seperti berikut:
  - i. **Kumpulan Wang Tabung Warisan Negeri Selangor**
    - Tabung Warisan diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Warisan 1991 bertujuan membolehkan Kerajaan Negeri Selangor mengasingkan sebahagian jumlah wang daripada Akaun Hasil Disatukan bagi faedah dan kesejahteraan warisan akan datang. Baki Kumpulan Wang ini telah meningkat sejumlah RM20.89 juta (9%) daripada RM231.70 juta pada tahun 2009 menjadi RM252.59 juta pada tahun 2010 seperti di **Jadual 4.23**.

**Jadual 4.23**  
**Baki Kumpulan Wang Tabung Warisan Negeri Selangor**  
**Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Kumpulan Wang Tabung Warisan Negeri Selangor</b>					
1.	Wang Di Bank	5.01	5.01	0.00	0.0
2.	Pelaburan Dalam Saham Syarikat	91.44	91.44	0.00	0.0
3.	Saham Amanah	0.00	10.00	10.00	100
4.	Simpanan Tetap Dan Instrumen Pasaran Wang	84.60	92.22	7.62	9.0
5.	Faedah Terakru	2.04	0.37	(1.67)	(81.9)
6.	Pinjaman Kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	50.00	50.00	0.00	0.0
7.	Bangunan	3.61	3.54	(0.07)	(1.9)
8.	Deposit elektrik, air, caj penyelenggaraan bangunan serta <i>sinking fund</i>	0.00	0.01	0.01	100
9.	Hutang Kepada Kerajaan Negeri	(5.00)	0.00	5.00	100
<b>Jumlah</b>		<b>231.70</b>	<b>252.59</b>	<b>20.89</b>	<b>9.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- Peningkatan baki Kumpulan Wang ini terdiri daripada peningkatan pelaburan Saham Amanah dalam 6 Dana *Public Mutual* berjumlah RM10 juta, bayaran balik Hutang Kepada Kerajaan Negeri berjumlah RM5 juta serta Simpanan Tetap dan Instrumen Pasaran Wang berjumlah RM7.62 juta.

## ii. Akaun Kena Bayar

- Akaun Kena Bayar (AKB) diwujudkan bagi menyelesaikan tanggungan Kerajaan Negeri kepada pembekal terhadap pelbagai bekalan dan perkhidmatan yang diperoleh oleh Kerajaan sehingga 31 Disember sesuatu tahun dan bayaran perlu dijelaskan pada awal tahun berikutnya. Bagi tahun 2010, baki akaun ini berjumlah RM133.54 juta iaitu menurun sejumrah RM9.09 juta (6.4%) berbanding RM142.63 juta pada tahun 2009. Analisis peningkatan dan penurunan AKB mengikut Jabatan pada tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.24**.


**Jadual 4.24**  
**Akaun Kena Bayar Mengikut Jabatan Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Jabatan		Tahun	Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	( % )
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	66.87	15.32	(51.55)	(77.1)
2.	Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam	1.8	0.17	(1.63)	(90.6)
3.	Jabatan Pertanian Negeri	1.51	1.05	(0.46)	(30.5)
4.	Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling	0.74	0.40	(0.34)	(46.0)
5.	Pejabat Pengelola Bijaya DiRaja	0.83	0.52	(0.31)	(37.4)
6.	Pejabat Dewan Negeri Selangor	0.48	0.24	(0.24)	(50.0)
7.	Jabatan Mufti	0.02	0.01	(0.01)	(50.0)
8.	Jabatan Kerja Raya Negeri	34.06	59.08	25.02	73.5
9.	Jabatan Agama Islam Selangor	16.01	22.54	6.53	40.8
10.	Perbendaharaan Negeri	5.96	12.42	6.46	108.4
11.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	8.24	11.35	3.11	37.7
12.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Selangor	0.25	0.81	0.56	224.0
13.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1.66	2.21	0.55	33.1
14.	Jabatan Tanah Dan Galian	0.8	1.33	0.53	66.3
15.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.49	0.99	0.50	102.0
16.	Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	0.78	1.22	0.44	56.4
17.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Selangor	0.29	0.70	0.41	141.4
18.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat	0.26	0.64	0.38	146.2
19.	Jabatan Kehakiman Syariah	0.11	0.39	0.28	254.5
20.	Pejabat Daerah Dan Tanah Gombak	0.15	0.39	0.24	160.0
21.	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	0.42	0.56	0.14	33.3
22.	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri	0.01	0.13	0.12	1200.0
23.	Jabatan Kebajikan Masyarakat	0.15	0.24	0.09	60.0
24.	Pejabat Daerah Dan Tanah Sepang	0.19	0.26	0.07	36.8
25.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	0.39	0.40	0.01	2.6
26.	Jabatan-jabatan Lain	0.16	0.17	0.01	6.3
<b>Jumlah</b>		<b>142.63</b>	<b>133.54</b>	<b>(9.09)</b>	<b>(6.4)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- Analisis Audit menunjukkan Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan kuantum penurunan AKB tertinggi iaitu RM51.55 juta (77.1%) pada tahun 2010. Ini diikuti oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam, Jabatan Pertanian Selangor dan Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling masing-masing mencatatkan penurunan sebanyak RM1.63 juta (90.6%), RM0.46 juta (30.5%) dan RM0.34 juta (46%). Analisis Audit mendapati antara punca penurunan ini disebabkan pengurangan perbelanjaan bagi Maksud P01 (Projek Pengambilan Balik Tanah) berjumlah RM4.10 juta pada tahun 2010 berbanding RM41.60 juta yang dibayar dalam tempoh AKB pada tahun 2009. Analisis perbandingan AKB bagi tempoh 5 tahun adalah seperti di **Carta 4.6**.

**Carta 4.6**  
**Kedudukan Akaun Kena Bayar Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

#### 4.6.1.4. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- Kumpulan Wang Pembangunan Hutan diwujudkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313) bertujuan untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi Kumpulan Wang ini terdiri daripada pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM5.14 juta dan Ses Pembangunan Hutan Kayu Balak berjumlah RM0.95 juta. Pegawai Pengawal bagi Kumpulan Wang ini ialah Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor.
- Pada akhir tahun 2010, Kumpulan Wang Pembangunan Hutan telah mencatat surplus sejumlah RM0.96 juta berbanding surplus sejumlah RM0.09 juta pada tahun 2009. Surplus ini berpunca daripada penerimaan berjumlah RM6.09 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM5.13 juta. Dengan surplus ini, baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada akhir tahun 2010 meningkat menjadi RM2.09 juta (84.1%) berbanding baki surplus RM1.13 juta pada tahun 2009. Surplus ini juga disebabkan oleh peningkatan baki terkumpul pada awal tahun 2010 yang berjumlah RM1.13 juta berbanding surplus pada awal tahun 2009 berjumlah RM1.04 juta. Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.25**.

**Jadual 4.25**  
**Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Butiran	Tahun				
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Baki pada 1 Januari	(1.52)	(0.96)	(0.15)	1.04	1.13
Penerimaan	6.01	6.11	6.73	5.85	6.09
Pembayaran	5.45	5.30	5.54	5.76	5.13
<b>Lebihan Penerimaan Tahun Semasa</b>	<b>0.56</b>	<b>0.81</b>	<b>1.19</b>	<b>0.09</b>	<b>0.96</b>
<b>Baki pada 31 Disember</b>	<b>(0.96)</b>	<b>(0.15)</b>	<b>1.04</b>	<b>1.13</b>	<b>2.09</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

- c. Analisis Audit mendapati jumlah lebihan penerimaan bagi tahun 2006 hingga 2010 mencatatkan trend meningkat daripada RM0.56 juta pada tahun 2006 kepada RM0.96 juta pada tahun 2010. Baki akhir Kumpulan Wang Pembangunan Hutan juga mencatatkan trend peningkatan daripada baki defisit sejumlah RM0.96 juta pada tahun 2006 kepada baki surplus sejumlah RM2.09 juta pada tahun 2010.

#### 4.6.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

4.6.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan sumbangan wang daripada orang perseorangan dan organisasi kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan tertentu. Pengurusan akaun ini perlu dibuat mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Baki Kumpulan Wang ini meningkat sejumlah RM131.00 juta (90%) kepada RM276.45 juta pada tahun 2010 berbanding RM145.45 juta pada tahun 2009 seperti di **Jadual 4.26**.

**Jadual 4.26**  
**Baki Kumpulan Wang Amanah Bagi Tahun 2009 Dan 2010**

Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Pada 31 Januari	155.88	145.45	(10.43)	(6.7)
Terimaan	426.32	517.40	91.08	21.4
Pembayaran	436.75	386.40	(50.35)	(11.5)
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>145.45</b>	<b>276.45</b>	<b>131.00</b>	<b>90.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.6.2.2. Analisis Audit menunjukkan peningkatan baki Kumpulan Wang Amanah ini pada akhir tahun 2010 disebabkan peningkatan penerimaan berjumlah RM91.08 juta (21.4%) adalah lebih tinggi berbanding penurunan pembayaran berjumlah RM50.35 juta (11.5%). Analisis Audit terhadap 40 Akaun Amanah Awam menunjukkan baki 19 akaun meningkat sejumlah RM143.13 juta, 8 akaun menurun sejumlah RM17.30 juta dan 11 akaun tiada pergerakan manakala 2 akaun sudah ditutup. Peningkatan yang ketara melibatkan baki akaun Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri, Akaun Amanah Penswastaan serta Akaun Amanah Caruman Parit Dan Saliran yang masing-masing meningkat sejumlah RM108.05 juta, RM12.03 juta dan RM9.45 juta.

Peningkatan bagi ketiga-tiga akaun ini berjumlah RM129.53 juta. Manakala penurunan yang ketara antara lain adalah baki Tabung Mesra Usia Emas, Kumpulan Wang Amanah Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain serta Akaun Amanah Tabung Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor yang masing-masing menurun sejumlah RM14.84 juta, RM1.42 juta dan RM0.70 juta. Penurunan ketiga-tiga akaun tersebut berjumlah RM16.96 juta.

#### a. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan untuk mengaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b) Perlembagaan Persekutuan bagi pembiayaan penyenggaraan jalan raya yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri Selangor. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.27**.

**Jadual 4.27**  
**Baki Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri**  
**Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Butiran	Tahun				
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
Baki pada 1 Januari	0	71.50	119.05	67.53	54.41
Pemberian Daripada Kerajaan Persekutuan	174.10	249.60	328.09	315.63	351.66
Perbelanjaan	102.60	202.05	379.61	328.75	243.61
<b>Baki Pada 31 Disember</b>	<b>71.50</b>	<b>119.05</b>	<b>67.53</b>	<b>54.41</b>	<b>162.46</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

#### b. Akaun Amanah Lain

##### i. Akaun Amanah Penswastaan

Akaun Amanah Penswastaan ini ditubuhkan untuk membiayai perbelanjaan di dalam menjayakan program berkaitan penswastaan serta menyertai ekspo dan pameran bagi tujuan penerangan. Sumber kewangan Akaun Amanah ini adalah daripada yuran pembelian borang, kursus dan seminar, penjualan buku dan derma daripada syarikat-syarikat swasta. Baki akaun ini telah meningkat sejumlah RM12.03 juta kepada RM12.20 juta berbanding RM0.17 juta pada tahun 2009.

##### ii. Akaun Amanah Caruman Parit Dan Saliran

Akaun Amanah ini ditubuhkan bagi membolehkan Kerajaan Negeri Selangor menguruskan caruman parit yang dikutip setelah permohonan tukar syarat tanah diluluskan oleh Pentadbir Tanah Daerah. Akaun Amanah ini diwujudkan bagi tujuan pembiayaan kerja menaik taraf sistem saliran, kejuruteraan sungai,

tebatan banjir, hidrologi, ramalan banjir dan kerja yang berkaitan. Baki akaun ini telah meningkat sejumlah RM9.45 juta kepada RM13.60 juta pada tahun 2010 berbanding RM4.15 juta pada tahun 2009.

### **iii. Tabung Mesra Usia Emas**

Akaun Amanah Ini ditubuhkan pada bulan Oktober 2008 bertujuan menguruskan sumbangan yang diterima daripada Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Syarikat, Pertubuhan dan orang ramai bagi memberi bantuan atau manfaat dalam bentuk bantuan kewangan kepada waris atau keluarga gemulah. Baki akaun ini menurun sejumlah RM14.84 juta kepada RM6.55 juta pada tahun 2010 berbanding RM21.39 juta pada tahun 2009.

### **iv. Kumpulan Wang Amanah Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain**

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membiayai Rancangan Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor dengan Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri dan dikelolakan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor. Sumber kewangan tabung ini diperoleh daripada peruntukan Geran Kerajaan Persekutuan dan lain-lain sumbangan dari dalam atau luar negeri. Pada tahun 2010, penerimaan sejumlah RM27.21 juta bagi akaun tersebut adalah lebih rendah daripada perbelanjaan sejumlah RM28.63 juta. Ini menyebabkan akaun ini menurun sejumlah RM1.42 juta kepada RM1.68 juta pada tahun 2010 berbanding RM3.10 juta pada tahun 2009.

### **v. Akaun Amanah Tabung Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor**

Akaun Amanah ini ditubuhkan dengan tujuan untuk membiayai program di bawah tabung Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor serta membolehkan Kerajaan Negeri menguruskan sumbangan daripada Kerajaan Negeri, orang ramai, badan perniagaan, pertubuhan dan mana-mana pihak yang disampaikan kepada Kerajaan Negeri untuk Akaun Amanah ini dari semasa ke semasa. Penerimaan akaun ini menurun sejumlah RM1 juta kepada RM3.55 juta pada tahun 2010 berbanding RM4.55 juta pada tahun 2009. Pada akhir tahun 2010, baki akaun ini juga menurun sejumlah RM0.70 juta kepada RM2.28 juta berbanding RM2.98 juta pada tahun 2009.

#### **4.6.3. Akaun Wang Deposit**

4.6.3.1. Akaun Wang Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Pada akhir tahun 2010, Kerajaan Negeri mempunyai 72 akaun deposit berbaki RM128.55 juta yang diselenggarakan oleh 21 Jabatan. Kedudukan Akaun Wang Deposit bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.28**.

**Jadual 4.28**  
**Kedudukan Akaun Wang Deposit Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Butiran	Tahun		Peningkatan	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Akaun Wang Deposit	119.19	128.55	9.36	7.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.6.3.2. Analisis Audit menunjukkan baki deposit telah meningkat sejumlah RM9.36 juta (7.9%) menjadi RM128.55 juta pada tahun 2010 berbanding sejumlah RM119.19 juta pada tahun 2009. Peningkatan ketara melibatkan Akaun Deposit Lelong Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling yang meningkat sejumlah RM21.03 juta menjadi RM51.46 juta pada tahun 2010 berbanding RM30.43 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini antara lain disebabkan oleh peningkatan permohonan untuk perintah jualan (lelongan awam) kepada Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling dari pemegang gadaian yang meningkat sebanyak 67 permohonan menjadi 176 pada tahun 2010 berbanding 109 permohonan pada tahun 2009.

4.6.3.3. Analisis Audit juga menunjukkan tindakan pewartaan tidak diambil terhadap 5 akaun deposit berjumlah RM3.51 juta yang tidak dituntut bagi tempoh tahun 1985 hingga 2009 bagi 19 Jabatan.

4.6.3.4. Kedudukan Akaun Wang Deposit bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 4.7**.

**Carta 4.7**  
**Kedudukan Akaun Wang Deposit Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

#### **4.7. PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI**

4.7.1. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai disediakan selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan yang berkuat kuasa mulai tahun kewangan 2005. Penyata ini menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar wang tunai serta kesetaraan tunai. Kesetaraan tunai merupakan pelaburan untuk tempoh tidak melebihi 3 bulan yang mudah ditukar kepada wang tunai. Aliran masuk penerimaan terdiri daripada hasil, pinjaman, modal dan lain-lain penerimaan. Aliran keluar pula terdiri daripada perbelanjaan mengurus, pembangunan, perbelanjaan modal, bayaran pinjaman dan lain-lain pembayaran. Kedudukan aliran penerimaan dan pembayaran wang tunai bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.29**.

**Jadual 4.29**  
**Aliran Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Bagi Tahun 2010 Berbanding 2009**

Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Baki Wang Tunai Pada 1 Januari	733.64	617.20	(116.44)	(15.9)
Jumlah Penerimaan*	1,780.99	1,753.44	(27.55)	(1.5)
Jumlah Pembayaran*	1,897.43	1,452.37	(445.06)	(23.5)
<b>Tambahan/(Kurangan)</b>	<b>(116.44)</b>	<b>301.07</b>	<b>417.51</b>	<b>358.6</b>
<b>Baki Wang Tunai Pada 31 Disember</b>	<b>617.20</b>	<b>918.27</b>	<b>301.07</b>	<b>48.8</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

\* Angka bandingan bagi Jumlah Penerimaan dan Jumlah Pembayaran tahun 2009 berbeza dengan angka di Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 kerana perubahan kaedah persempahan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran pada tahun 2010.

4.7.2. Analisis Audit menunjukkan pada akhir tahun 2010, baki wang tunai meningkat sejumlah RM301.07 juta (48.8%) menjadi RM918.27 juta berbanding RM617.20 juta pada tahun 2009. Peningkatan ini disebabkan penurunan pembayaran sejumlah RM445.06 juta (23.5%) melebihi penurunan penerimaan sejumlah RM27.55 juta (1.5%). Butiran aliran masuk dan aliran keluar wang tunai Kerajaan Negeri bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.30**.

**Jadual 4.30**  
**Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri**  
**Bagi Tahun 2010 Berbanding Tahun 2009**

Bil.	Butiran	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
<b>Penerimaan</b>					
1.	Hasil Cukai	471.56	517.74	46.18	9.8
2.	Hasil Bukan Cukai	471.15	674.06	202.91	43.1
3.	Penerimaan Bukan Hasil	821.16	379.70	(441.46)	(53.8)
4.	Pinjaman Dalam Negeri	0	0	0	0
5.	Terimaan Modal*	17.12	44.80	27.68	161.7
6.	Lain-lain Penerimaan*	0	137.14	137.14	100
<b>Jumlah Penerimaan</b>		<b>1,780.99</b>	<b>1,753.44</b>	<b>(27.55)</b>	<b>(1.5)</b>
<b>Pembayaran</b>					
1.	Perbelanjaan Mengurus	1,122.08	843.22	(278.86)	(24.9)
2.	Perbelanjaan Pembangunan	714.11	550.24	(163.87)	(22.9)
3.	Perbelanjaan Modal*	11.74	0	(11.74)	(100)
4.	Bayaran Pinjaman	11.99	58.91	46.92	391.3
5.	Lain-lain Bayaran*	37.51	0	(37.51)	(100)
<b>Jumlah Pembayaran</b>		<b>1,897.43</b>	<b>1,452.37</b>	<b>(445.06)</b>	<b>(23.5)</b>
<b>Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai</b>		<b>(116.44)</b>	<b>301.07</b>	<b>417.51</b>	<b>358.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

\* Angka bandingan bagi tahun 2009 berbeza dengan angka di Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009 dan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 kerana perbezaan kaedah persembahan Penyata Penerimaan Dan Pembayaran pada tahun 2010.

4.7.3. Aliran masuk tunai Kerajaan Negeri menunjukkan penurunan bagi tahun 2010 walaupun 4 daripada 6 butiran kutipan hasil menunjukkan peningkatan berjumlah RM413.91 juta. Ini adalah kerana pengurangan ketara sejumlah RM441.46 juta dari butiran Penerimaan Bukan Hasil. Pengurangan ini antaranya disebabkan oleh pengurangan hasil berbentuk One-Off sejumlah RM391.99 juta yang merupakan terimaan daripada penstrukturkan semula hutang syarikat Talam Corporation Bhd. kepada syarikat subsidiari Kerajaan Negeri pada tahun 2009. Selain itu, Pemberian Jalan Raya/Lorong juga menunjukkan penurunan sejumlah RM70 juta selaras dengan penurunan perbelanjaan penyelenggaraan jalan pada tahun 2010.

4.7.4. Aliran keluar tunai juga telah menurun sejumlah RM445.06 juta (23.5%) menjadi RM1,452.37 juta berbanding RM1,897.43 juta pada tahun 2009. Jumlah penurunan aliran keluar tunai yang lebih besar berbanding penurunan aliran masuk tunai telah menyebabkan lebihan aliran tunai sejumlah RM301.07 juta dan seterusnya meningkatkan baki wang tunai pada tahun 2010 menjadi RM918.27 juta berbanding RM617.20 juta pada tahun 2009.

## **4.8. AKAUN MEMORANDUM**

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan baki aset dan tanggungan Kerajaan yang boleh dilupuskan atau perlu dilunaskan pada masa akan datang yang tidak dinyatakan dalam Lembaran Imbangan.

### **4.8.1. Pinjaman Boleh Dituntut**

4.8.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan-badan Lain. Pada tahun 2010, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM649.45 juta iaitu meningkat sejumlah RM18.38 juta (2.9%) berbanding RM631.07 juta pada tahun 2009. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.31**.

**Jadual 4.31**  
**Kedudukan Baki Pinjaman Boleh Dituntut Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Peminjam	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Badan Berkanun Negeri	199.81	195.04	(4.77)	(2.4)
2.	Pihak Berkuasa Tempatan	46.01	44.13	(1.88)	(4.1)
3.	Badan-badan Lain	385.25	410.28	25.03	6.5
<b>Jumlah</b>		<b>631.07</b>	<b>649.45</b>	<b>18.38</b>	<b>2.9</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.1.2. Analisis Audit menunjukkan peningkatan baki Pinjaman Boleh Dituntut sejumlah RM18.38 juta disebabkan peningkatan sejumlah RM25.03 juta (6.5%) baki pinjaman kepada Badan-badan Lain menjadi RM410.28 juta pada tahun 2010 berbanding RM385.25 juta pada tahun 2009. Baki pinjaman kepada Badan Berkanun Negeri menurun sejumlah RM4.77 juta (2.4%) menjadi RM195.04 juta pada tahun 2010 berbanding RM199.81 juta pada tahun 2009. Baki pinjaman kepada Pihak Berkuasa Tempatan menurun sejumlah RM1.88 juta (4.1%) menjadi RM44.13 juta pada tahun 2010 berbanding RM46.01 juta pada tahun 2009. Pergerakan pinjaman bagi tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 4.32**.

**Jadual 4.32**  
**Pergerakan Pinjaman Bagi Tahun 2010**

Bil.	Agensi Peminjam	Baki Pinjaman 1.1.2010 (RM Juta)	Pinjaman Baru/ Keluaran Baki Pinjaman (RM Juta)	Faedah Yang Dikenakan Dalam Tahun 2010 (RM Juta)	Bayaran (RM Juta)	Baki Pinjaman 31.12.2010 (RM Juta)
<b>Badan Berkanun</b>						
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	41.11	0	0	0	41.11
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	36.61	0	0	1.20	35.41
3.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	122.09	0	3.43	7.00	118.52
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>199.81</b>	<b>0</b>	<b>3.43</b>	<b>8.20</b>	<b>195.04</b>
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>						
1.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	12.05	0.54	0.57	2.11	11.05
2.	Majlis Perbandaran Kajang	12.00	0	0.33	1.83	10.50
3.	Majlis Perbandaran Selayang	19.57	0	0.90	0	20.47
4.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2.39	0	0.12	0.40	2.11
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>46.01</b>	<b>0.54</b>	<b>1.92</b>	<b>4.34</b>	<b>44.13</b>
<b>Badan-badan Lain</b>						
1.	Yayasan Selangor	30.81	0	0	0	30.81
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	223.19	0	8.00	0.80	230.40
3.	Amanah Saham Selangor	20.00	0	0	0	20.00
4.	Kolej Islam Darul Ehsan	3.60	0	0	0.40	3.20
5.	Industri Pendidikan Negeri Selangor	17.00	0	0	0	17.00
6.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	2.13	0	0	0	2.13
7.	PKPS Landskaping Sdn. Bhd.	0.10	0	0.01	0.11	0
8.	Pendidikan Industri YS Sendirian Berhad	88.42	0	3.27	0	91.69
9.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	0	15.05	0	0	15.05
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>385.25</b>	<b>15.05</b>	<b>11.28</b>	<b>1.31</b>	<b>410.28</b>
<b>Jumlah</b>		<b>631.07</b>	<b>15.59</b>	<b>16.63</b>	<b>13.85</b>	<b>649.45</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.1.3. Analisis Audit menunjukkan baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM18.38 juta pada tahun 2010 kerana Kerajaan Negeri mengeluarkan pinjaman baru berjumlah RM15.59 juta. Pinjaman ini terdiri daripada 2 pinjaman iaitu kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi pembiayaan subsidi sewaan setinggan sejumlah RM540,000 dan penyelarasan jumlah saham Petronas Dagangan Berhad dan Malaysia Airports Holdings Berhad berjumlah RM15.05 juta yang dijual oleh PSKS pada tahun 2006. Pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima bayaran balik pinjaman sejumlah RM13.85 juta manakala faedah pinjaman yang dipermodalkan adalah berjumlah RM16.63 juta.

4.8.1.4. Penurunan sejumlah RM4.77 juta baki pinjaman kepada Badan Berkanun Negeri disebabkan pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM8.20 juta untuk bayaran balik pinjaman terdiri daripada bayaran balik oleh Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor berjumlah RM1.20 juta dan Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor membayar balik pinjaman sejumlah RM7 juta.

4.8.1.5. Penurunan baki pinjaman kepada PBT berjumlah RM1.88 juta disebabkan pada tahun 2010, Kerajaan Negeri telah menerima sejumlah RM4.34 juta untuk bayaran balik pinjaman terdiri daripada bayaran balik oleh Majlis Perbandaran Ampang Jaya berjumlah RM2.11 juta, Majlis Perbandaran Kajang berjumlah RM1.83 juta dan Majlis Daerah Sabak Bernam berjumlah RM400,000. Sejumlah RM360,000 (91.5%) daripada jumlah bayaran balik bagi Majlis Daerah Sabak Bernam adalah dibayar melalui potongan peruntukan *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS) tahun 2010.


4.8.1.6. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.33** dan **Carta 4.8**.

**Jadual 4.33**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Agenzi Peminjam	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
<b>Badan Berkanun Negeri</b>						
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	114.01	48.49	48.49	41.11	41.11
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	63.06	78.22	38.03	36.61	35.41
3.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	0	199.61	123.36	122.09	118.52
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>177.07</b>	<b>326.32</b>	<b>209.88</b>	<b>199.81</b>	<b>195.04</b>
<b>Pihak Berkuasa Tempatan</b>						
1.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	15.60	14.11	14.85	12.05	11.05
2.	Majlis Perbandaran Kajang	15.00	15.00	13.50	12.00	10.50
3.	Majlis Perbandaran Selayang	10.02	15.96	22.40	19.57	20.47
4.	Majlis Daerah Sabak Bernam	3.02	3.02	3.12	2.39	2.11
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>43.64</b>	<b>48.09</b>	<b>53.87</b>	<b>46.01</b>	<b>44.13</b>
<b>Badan-badan Lain</b>						
1.	Yayasan Selangor	30.51	30.71	30.81	30.81	30.81
2.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad	118.44	21.80	72.40	223.19	230.40
3.	Amanah Saham Selangor	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
4.	Kolej Islam Darul Ehsan	4.00	4.00	4.00	3.60	3.20
5.	Industri Pendidikan Negeri Selangor	17.00	17.00	17.00	17.00	17.00
6.	Permodalan Negeri Selangor Berhad	31.20	2.13	2.13	2.13	2.13
7.	PKPS Landskaping Sdn. Bhd.	0.30	0.30	0.10	0.10	0
8.	Pendidikan Industri YS Sendirian Berhad	0	81.87	85.14	88.42	91.69
9.	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	0	0	0	0	15.05
10.	Lain-lain	4.87	0	0	0	0
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>226.32</b>	<b>177.81</b>	<b>231.58</b>	<b>385.25</b>	<b>410.28</b>
<b>Jumlah</b>		<b>447.03</b>	<b>552.22</b>	<b>495.33</b>	<b>631.07</b>	<b>649.45</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4.8**  
**Baki Pinjaman Boleh Dituntut Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.1.7. Analisis Audit menunjukkan pada keseluruhannya baki pinjaman mencatatkan trend meningkat secara beransur-ansur daripada sejumlah RM447.03 juta pada tahun 2006 menjadi RM552.22 juta pada tahun 2007. Kemudian baki ini turun sejumlah RM56.89 juta menjadi RM495.33 juta pada tahun 2008 dan meningkat sejumlah RM135.74 juta menjadi RM631.07 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, baki pinjaman meningkat sejumlah RM18.38 juta menjadi RM649.45 juta.


4.8.1.8. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain kepada Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.34** dan **Carta 4.9**.

**Jadual 4.34**  
**Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kepada Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Agensi Peminjam	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Pihak Berkuasa Tempatan	0	0	1.22	0.34	0.41
2.	Badan Berkanun Negeri	142.07	162.89	73.00	47.34	50.93
3.	Badan-badan Lain	164.07	43.04	55.96	65.38	82.40
<b>Jumlah</b>		<b>306.14</b>	<b>205.93</b>	<b>130.18</b>	<b>113.06</b>	<b>133.74</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4.9**  
**Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Kepada  
Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.1.9. Analisis Audit menunjukkan pada keseluruhanya baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2006 hingga 2010 mencatatkan trend menurun secara beransur-ansur. Baki tunggakan bayaran balik pinjaman menurun dari sejumlah RM306.14 juta pada tahun 2006 menjadi RM113.06 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010, tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat sejumlah RM20.68 juta menjadi RM133.74 juta daripada sejumlah RM113.06 juta pada tahun 2009. Ini disebabkan peningkatan sejumlah RM3.59 juta bagi Badan Berkanun Negeri, RM70,000 bagi PBT dan RM17.02 juta bagi Badan-badan Lain.

4.8.1.10. Analisis perbandingan antara jumlah baki Pinjaman Boleh Dituntut dan baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2010 mendapati pencapaian pembayaran Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2010 adalah kurang memuaskan. Ini disebabkan Baki Pinjaman Boleh Dituntut meningkat sejumlah RM18.38 juta dan baki tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut turut mencatatkan peningkatan sejumlah RM20.68 juta.

#### **4.8.2. Pelaburan**

4.8.2.1. Pelaburan saham oleh Kerajaan Negeri Selangor melalui perbelanjaan mengurus ditunjukkan di Penyata Akaun Memorandum Pelaburan. Pelaburan ini terdiri daripada pelaburan saham Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). Kedudukan pelaburan


Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.35** dan trend pelaburan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 4.10**.

**Jadual 4.35**  
**Kedudukan Pelaburan Saham Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Perbadanan/Syarikat	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
<b>Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)</b>						
1.	Permodalan Negeri Selangor Bhd.	9.00	24.00	24.00	24.00	24.00
2.	Tabung Amanah Saham Selangor Bhd.	2.00	0	0	0	0
3.	Bridgeman Holdings Berhad	80.56	0	0	0	0
4.	Kumpulan Perangsang Selangor Bhd.	82.63	0	0	0	0
5.	Kumpulan Darul Ehsan Bhd.	12.50	104.06	104.06	104.06	104.06
6.	Pendidikan Institusi Yayasan Selangor Berhad	0	0.64	0.64	0.64	0.64
7.	Bandar Pelabuhan Klang	0	11.68	0	0	0
8.	Perbadanan Nasional Berhad (PNS)	0	0.50	0.50	0.50	0.50
9.	Selangor State Investment Centre (SSIC) Berhad	0	0.60	0.60	0.60	0.60
10.	Tourism Selangor Sdn. Bhd.	0	0	0.30	0.30	0.30
11.	Majlis Sukan Negeri Selangor Holdings Sdn. Bhd. (MSNS)	0	0	0	1.00	1.00
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>186.69</b>	<b>141.48</b>	<b>130.10</b>	<b>131.10</b>	<b>131.10</b>
<b>Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor</b>						
1.	Permodalan Negeri Selangor Bhd.	24.00	0	0	0	0
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>24.00</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Syarikat</b>						
1.	Rashid Hussain Asset Management Sdn. Bhd.	0.37	0	0	0	0
2.	PNS (Atas Nama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor)	0.50	0	0	0	0
<b>Jumlah Kecil</b>		<b>0.87</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah</b>		<b>211.56</b>	<b>141.48</b>	<b>130.10</b>	<b>131.10</b>	<b>131.10</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

**Carta 4.10**  
**Trend Pelaburan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.2.2. Trend pelaburan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2006 hingga 2010 menunjukkan penurunan daripada RM211.56 juta pada tahun 2006 menjadi RM131.10 juta pada tahun 2008 hingga 2010.

#### 4.8.3. Tuggakan Hasil

4.8.3.1. Pada tahun 2010, tuggakan hasil Kerajaan Negeri telah menurun sejumlah RM99.87 juta (16.6%) kepada RM502.05 juta berbanding RM601.92 juta pada tahun 2009. Tuggakan hasil pada akhir tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.36**.

**Jadual 4.36**  
**Tuggakan Hasil Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Jenis Hasil	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Cukai Tanah	601.61	486.37	(115.24)	(19.2)
2.	Lain-lain Hasil	0.31	15.68	15.37	4,958.1
<b>Jumlah</b>		<b>601.92</b>	<b>502.05</b>	<b>(99.87)</b>	<b>(16.6)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.3.2. Sebahagian besar daripada tuggakan hasil ini merupakan tuggakan hasil Cukai Tanah berjumlah RM486.37 juta (96.9%) daripada keseluruhan tuggakan hasil tahun 2010 yang menjadi penyumbang utama penurunan tuggakan hasil. Tuggakan Cukai Tanah mengikut Pejabat Daerah Dan Tanah pada akhir tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.37**.

**Jadual 4.37**  
**Tunggakan Cukai Tanah Mengikut Pejabat Daerah  
 Dan Tanah Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Pejabat Daerah Dan Tanah	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Petaling	202.95	196.99	(5.96)	(2.9)
2.	Klang	141.27	80.82	(60.45)	(42.8)
3.	Hulu Selangor	82.10	78.93	(3.17)	(3.9)
4.	Gombak	103.80	71.76	(32.04)	(30.9)
5.	Hulu Langat	42.35	38.38	(3.97)	(9.4)
6.	Kuala Selangor	15.94	8.63	(7.31)	(45.9)
7.	Sepang	7.35	5.62	(1.73)	(23.5)
8.	Kuala Langat	4.28	3.77	(0.51)	(12.0)
9.	Sabak Bernam	1.57	1.47	(0.10)	(6.5)
<b>Jumlah</b>		<b>601.61</b>	<b>486.37</b>	<b>(115.24)</b>	<b>(19.2)</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

4.8.3.3. Analisis Audit mendapati tunggakan Cukai Tanah bagi semua Pejabat Daerah Dan Tanah telah menurun sejumlah RM115.24 juta terutamanya Pejabat Daerah Dan Tanah Klang dan Gombak yang masing-masing menurun sejumlah RM60.45 juta (42.8%) dan RM32.04 juta (30.9%) pada tahun 2010 berbanding tahun 2009.

4.8.3.4. Antara punca penurunan tunggakan Cukai Tanah pada tahun 2010 adalah kerana pelaksanaan Operasi Bersepadu Mengutip Cukai Tanah (Ops Kutip) dan penubuhan Jawatankuasa Kerja Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Peringkat Negeri dan Daerah. Melalui Jawatankuasa tersebut, pemantauan dapat dibuat secara langsung setiap bulan terhadap perkembangan status tindakan yang dilaksanakan untuk mengurangkan tunggakan cukai tanah mengikut senarai penunggak tegar dan juga pemantauan penunggak tegar yang terlibat dalam Ops Kutip.


4.8.3.5. Kedudukan tunggakan hasil Kerajaan Negeri Selangor pada akhir tahun 2006 hingga 2010 seperti di **Jadual 4.38** dan **Carta 4.11**.

**Jadual 4.38**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Butiran Hasil	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	778.21	655.19	629.25	601.61	486.37
2.	Lain-lain Hasil	24.57	15.38	0.29	0.31	15.68
<b>Jumlah</b>		<b>802.78</b>	<b>670.57</b>	<b>629.54</b>	<b>601.92</b>	<b>502.05</b>

*Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

**Carta 4.11**  
**Tunggakan Hasil Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.3.6. Semakan Audit juga mendapati sehingga 31 Disember 2010, tunggakan hasil berjumlah RM165,570 bagi tahun 2006 (RM162,690) dan 2008 (RM2,880) telah dihapus kira pada tahun berkenaan.

#### 4.8.4. Hutang Awam

4.8.4.1. Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri pada akhir tahun 2009 dan 2010 adalah seperti di **Jadual 4.39**.


**Jadual 4.39**  
**Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Pada Tahun 2010 Berbanding 2009**

Bil.	Butiran Pinjaman	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	756.56	756.56	0.00	0
2.	Rumah Awam Kos Rendah Dan Jaminan Tabung Perumahan Ehsan	235.98	183.56	(52.42)	(22.2)
3.	Projek Ladang Hutan	6.49	0.00	(6.49)	(100)
4.	Pinjaman Pelbagai	20.00	20.00	0.00	0
5.	Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	44.52	44.52	0.00	0
<b>Jumlah</b>		<b>1,063.55</b>	<b>1,004.64</b>	<b>(58.91)</b>	<b>(5.5)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.4.2. Analisis Audit menunjukkan pada tahun 2010, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah menurun sejumlah RM58.91 juta (5.5%) menjadi RM1,004.64 juta berbanding RM1,063.55 juta pada tahun 2009. Penurunan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah membuat bayaran balik hutang sejumlah RM58.91 juta bagi menjelaskan pinjaman bagi Rumah Awam Kos Rendah dan Projek Ladang Hutan masing-masing sejumlah RM52.42 juta dan RM6.49 juta.

Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Carta 4.12**.



Sumber: *Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor*

4.8.4.3. Analisis Audit menunjukkan trend baki hutang awam tidak mengalami perubahan yang ketara. Trend ini disebabkan antaranya bayaran balik pinjaman bagi Projek Bekalan Air yang hanya akan dibayar mulai tahun 2010 hingga 2033 oleh pihak Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS) kepada Kerajaan Persekutuan. Bagaimanapun, SYABAS hanya membuat bayaran bagi tahun 2010 sejumlah RM9.27 juta pada awal tahun 2011 dan pembayaran tersebut akan diambil kira pada tahun kewangan 2011. Manakala bayaran balik pinjaman berjumlah RM44.52 juta bagi membiayai Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya dan Jaminan Tabung Perumahan Ehsan akan dibayar mulai tahun 2012.

4.8.4.4. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman pada akhir tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 4.40**.

**Jadual 4.40**  
**Kedudukan Tuggakan Bayaran Balik Bagi Tahun 2006 Hingga 2010**

Bil.	Pinjaman	Tahun				
		2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)
1.	Projek Bekalan Air	481.43	564.91	636.24	705.40	564.26
2.	Rumah Awam Kos Rendah Dan Jaminan Tabung Perumahan Ehsan	70.40	81.60	92.23	92.23	62.53
3.	Projek Ladang Hutan	8.17	8.51	4.30	2.63	0.00
4.	Pinjaman Pelbagai	4.08	33.68	29.88	29.60	29.60
<b>Jumlah</b>		<b>564.08</b>	<b>688.70</b>	<b>762.65</b>	<b>829.86</b>	<b>656.39</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor

4.8.4.5. Analisis Audit mendapati pada keseluruhannya, baki tunggakan bayaran balik pinjaman Kerajaan Negeri meningkat kecuali pada tahun 2010 berlaku penurunan sebanyak RM173.47 juta (20.9%) berbanding tahun 2009. Antara sebab penurunan adalah Kerajaan Negeri telah membayar balik kesemua hutang bagi pinjaman Projek Ladang Hutan, bayaran balik bagi sebahagian pinjaman Rumah Awam Kos Rendah dan mendapat pengecualian kadar faedah untuk semua baki pinjaman Projek Bekalan Air serta hapus kira semua tunggakan faedah bagi pinjaman yang sama daripada Kerajaan Persekutuan.

4.8.4.6. Analisis perbandingan antara jumlah hutang awam pada tahun 2010 berbanding baki tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2010 mendapati prestasi pembayaran balik pinjaman tahun 2010 adalah sangat baik. Ini adalah kerana baki hutang awam pada tahun 2010 menurun sejumlah RM58.91 juta (5.5%) berbanding tahun 2009. Manakala, tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2010 turut mencatatkan penurunan sejumlah RM173.47 juta (20.9%) berbanding tahun 2009.

#### **4.9. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

4.9.1. Secara keseluruhannya, analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan Negeri adalah memuaskan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 mencatatkan baki Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM1,586.88 juta meningkat sejumlah RM266.91 juta berbanding RM1,319.97 juta pada tahun 2009. Jumlah kutipan hasil pada tahun 2010 telah mencatatkan penurunan sejumlah RM192.36 juta (10.9%). Jumlah tunggakan hasil turut menurun sejumlah RM99.87 juta (16.6%). Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri telah mencatatkan surplus sejumlah RM124.24 juta berbanding defisit RM65.96 juta pada tahun 2009. Pulangan atas pelaburan jangka panjang yang dilakukan adalah tidak memuaskan di mana secara purata, Kerajaan Negeri Selangor hanya mendapat pulangan dividen sejumlah RM5.89 juta (1.6%) berbanding pelaburan sejumlah RM376.55 juta bagi tempoh 5 tahun iaitu tahun 2006 hingga 2010. Baki pinjaman boleh dituntut meningkat sejumlah RM18.38 juta (2.9%) dan tunggakan bayaran balik pinjaman boleh dituntut juga meningkat sejumlah RM20.68 juta. Prestasi pembayaran hutang awam pada tahun 2010 adalah sangat baik kerana baki hutang

awam telah menurun sejumlah RM58.91 juta manakala tunggakan bayaran balik pinjaman mencatatkan penurunan sejumlah RM173.47 juta.

4.9.2. Kerajaan Negeri disyorkan supaya meneruskan perbelanjaan berhemat dan terus berusaha mengutip baki pinjaman boleh dituntut di samping usaha berterusan terhadap kutipan tunggakan bayaran pinjaman boleh dituntut. Kerajaan Negeri juga hendaklah mengambil tindakan terhadap syarikat subsidiari Kerajaan Negeri bagi mendapatkan pulangan dividen terhadap pelaburan yang dibuat.





## **BAHAGIAN III**

# **RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI**



## BAHAGIAN III

### RANCANGAN PEMBANGUNAN KERAJAAN NEGERI

#### 5. PENCAPAIAN PELAKSANAAN PROJEK PEMBANGUNAN RMKe-9

5.1. Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) Negeri Selangor untuk tempoh 5 tahun bermula pada tahun 2006. Rancangan ini digubal bagi menjelaskan strategi, program dan projek yang akan diperkenal dan dilaksanakan untuk mencapai objektif pembangunan Negeri Selangor. Ia adalah signifikan ke arah menggerakkan Negeri Selangor dalam pelaksanaan Misi Nasional yang digubal oleh Kerajaan Persekutuan bagi tujuan merealisasikan Wawasan 2020.

##### 5.1.1. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Untuk Tempoh 5 Tahun (Tahun 2006 Hingga 2010)

5.1.1.1. Bagi menjayakan RMKe-9, sehingga tahun 2010 Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM3,430.82 juta kepada 10 Jabatan. Tiga daripada 10 Jabatan yang menerima peruntukan yang tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri berjumlah RM1,132.88 juta (33%), Jabatan Kerja Raya Negeri berjumlah RM871.14 juta (25.4%) dan Jabatan Agama Islam Selangor berjumlah RM514.80 juta (15%). Pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-9 sehingga akhir tahun 2010 adalah antara 46.6% hingga 99.6% seperti di **Jadual 5.1**. Jabatan Kehakiman Syariah (JAKESS) menunjukkan prestasi perbelanjaan yang rendah iaitu 46.6% daripada peruntukan yang diluluskan. Ini disebabkan projek seperti kerja landskap dan tempat letak kereta berbumbung tidak dapat dijalankan kerana bangunan baru JAKESS di Shah Alam belum siap pada akhir tahun 2010.

**Jadual 5.1**  
**Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9**  
**(Tahun 2006 Hingga 2010)**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Peruntukan RMKe-9 (RM Juta)	Perbelanjaan Sehingga 31 Disember 2010 (RM Juta)	Pencapaian (%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	1,132.88	1,098.13	96.9
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	871.14	860.85	98.8
3.	Jabatan Agama Islam Selangor	514.80	412.11	80.1
4.	Perbendaharaan Negeri (Projek Am, Pengkomputeran dan Luar Jangka)	493.19	407.46	82.6
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	264.11	239.09	90.5
6.	Jabatan Pertanian Negeri	72.00	69.64	96.7
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	31.28	29.74	95.1
8.	Jabatan Perhutanan Negeri	27.30	27.19	99.6
9.	Jabatan Kehakiman Syariah	14.38	6.70	46.6
10.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	9.74	9.48	97.3
<b>Jumlah</b>		<b>3,430.82</b>	<b>3,160.39</b>	<b>92.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Dan Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

5.1.1.2. Secara keseluruhannya, pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-9 pada tahap 92.1% adalah baik. Sejumlah RM3,160.39 juta daripada RM3,430.82 juta yang diperuntukkan telah dibelanjakan pada akhir tahun 2010. Pencapaian perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-9 bagi tahun 2006 hingga 2010 adalah seperti di **Jadual 5.2.**

**Jadual 5.2**  
**Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Di Bawah RMKe-9**  
**(Tahun 2006 Hingga 2010)**

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Pencapaian (%)
2006	540.00	465.19	86.2
2007	677.48	625.55	92.3
2008	828.27	805.30	97.2
2009	787.67	714.11	90.7
2010	597.40	550.24	92.1
<b>Jumlah</b>	<b>3,430.82</b>	<b>3,160.39</b>	<b>92.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Dan Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

### 5.1.2. Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tempoh 5 Tahun (Tahun 2006 Hingga 2010)

5.1.2.1. Sehingga 31 Disember 2010, sebanyak 1,437 projek pembangunan di bawah RMKe-9 telah dilulus untuk dilaksanakan. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 927 projek telah disiapkan sepenuhnya, 174 projek mengikut jadual,satu projek mendahului jadual, 6 projek lewat jadual, 199 projek masih belum dimulakan dan 130 projek dalam perancangan pelaksanaan. Pada keseluruhannya, sebanyak 1,108 projek (77.1%)

daripada 1,437 projek yang diluluskan telah dan sedang dilaksanakan. Pencapaian pelaksanaan projek tahun 2010 adalah seperti di **Jadual 5.3** dan **Carta 5.1**.


**Jadual 5.3**  
**Pencapaian Pelaksanaan Projek RMKe-9 (Tahun 2006 Hingga 2010)**

Bil.	Jabatan/Pejabat	Bilangan Projek Diluluskan	Bilangan Projek					
			Siap	Ikut Jadual	Dahulu Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Dalam Perancangan Pelaksanaan
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	28	25	2	0	1	0	0
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	455	147	14	1	2	179	112
3.	Jabatan Agama Islam Selangor	230	169	26	0	3	17	15
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	276	270	3	0	0	0	3
5.	Jabatan Pertanian Negeri	48	1	44	0	0	3	0
6.	Jabatan Kehakiman Syariah	84	84	0	0	0	0	0
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	14	14	0	0	0	0	0
8.	Jabatan Perhutanan Negeri	193	193	0	0	0	0	0
9.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa	109	24	85	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>1,437</b>	<b>927</b>	<b>174</b>	<b>1</b>	<b>6</b>	<b>199</b>	<b>130</b>

Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

Nota: Projek Oleh Perbadanan Negeri Tidak Disenaraikan Kerana Bukan Projek Fizikal

**Carta 5.1**  
**Status Pelaksanaan Projek RMKe-9 Pada 31 Disember 2010**



Sumber: Rekod Unit Perancang Ekonomi Negeri Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri

5.1.2.2. Analisis pencapaian pembangunan 1,437 projek sehingga akhir tahun 2010 adalah seperti berikut:

- a. Sebanyak 927 projek (64.5%) telah siap dilaksanakan sehingga akhir tahun 2010. Antara projek yang disiapkan pada tahun 2010 ialah pembinaan Jalan Sungai Kelambu-Genting Sanyen (Fasa 1), Kuala Langat bernilai RM29.82 juta, jalan masuk ke Tapak Cadangan Sanitary Landfill, Mukim Tanjung 12, Kuala Langat bernilai RM15.99 juta, Masjid Sungai Ramal Luar, Hulu Langat bernilai RM4.96 juta, Balai Cerap Sabak Bernam bernilai RM2 juta dan Masjid Kampung Sentosa, Ladang Tuan Mee, Kuala Selangor bernilai RM1.40 juta.
- b. Sebanyak 6 projek (0.4%) lewat disiapkan mengikut jadual terdiri daripada 3 projek di bawah Jabatan Agama Islam Selangor, 2 projek di bawah Jabatan Kerja Raya Negeri dan satu projek di bawah Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Antara projek yang terlibat ialah projek pembinaan Perpustakaan Selangor Negeri Maju 2005 di Shah Alam bernilai RM66.43 juta, bangunan Sekolah Rendah Agama Bukit Bandar Puchong bernilai RM6.25 juta, bangunan Sekolah Rendah Agama Putra Perdana Sepang bernilai RM5.80 juta, menaik taraf Jalan Sungai Pusu B22, Gombak bernilai RM2.06 juta dan membina Kuarters Institut Latihan Dakwah Selangor ILDAS (Fasa II) bernilai RM1.65 juta.
- c. Sebanyak 199 projek (13.8%) belum bermula terdiri daripada 179 projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya Negeri, 17 projek di bawah peruntukan Jabatan Agama Islam Selangor dan 3 projek di bawah peruntukan Jabatan Pengairan Dan Saliran. Antara projek yang terlibat adalah pembinaan Masjid Tun Uda Seksyen 16, Shah Alam bernilai RM7 juta, bangunan Sekolah Rendah Agama Bagan Lalang, Sepang dan Masjid Taman Padu Permai, Sabak Bernam masing-masing bernilai RM5 juta, jalan dari persimpangan FT05/B126 Jalan Kampung Jenjarom ke Jalan B3 Kebun Tambahan/Jalan Bukit Kemandul, Kuala Langat bernilai RM3.50 juta dan bangunan Sekolah Rendah Agama Bukit Cherakah, Petaling bernilai RM3 juta.
- d. Sebanyak 130 projek (9%) masih dalam perancangan iaitu 112 projek di bawah peruntukan Jabatan Kerja Raya Negeri, 15 projek di bawah peruntukan Jabatan Agama Islam Selangor dan 3 projek di bawah peruntukan Jabatan Pengairan Dan Saliran. Antara projek yang terlibat adalah pembinaan Maahad Integrasi Tahfiz Sains Dan Teknologi bernilai RM20 juta di Alam Impian, Daerah Petaling, Kompleks Islam Daerah Gombak dan Jalan Sungai Kelambu-Genting Sanyen (Fasa 2), Kuala Langat masing-masing bernilai RM10 juta, jalan dari Kampung Rantau Panjang ke Berjuntai Bestari Kuala Selangor bernilai RM7 juta serta Jalan Kampung Sungai Chinchin, Gombak bernilai RM3 juta.

## **5.2. RUMUSAN**

Pada keseluruhannya, sehingga akhir tahun 2010 hanya sebanyak 927 projek (64.5%) dapat disiapkan dalam tempoh RMKe-9. Walaupun pencapaian perbelanjaan pembangunan RMKe-9 bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2006 hingga 2010 mencapai 92.1%, tetapi hanya sebanyak 1,108 (77.1%) daripada 1,437 projek yang dilulus telah siap dan sedang dilaksanakan. Perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan yang cekap dan berkesan hendaklah diberi perhatian bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.





## **BAHAGIAN IV**

### **PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN JABATAN/ AGENSI NEGERI**



## BAHAGIAN IV

### PENCAPAIAN PENGURUSAN KEWANGAN

### JABATAN/AGENSI NEGERI

#### 6. PENDAHULUAN

6.1. Seksyen 15(A), Akta Tatacara Kewangan 1957 dan Arahan Perbendaharaan telah menetapkan tugas dan tanggungjawab Pegawai Pengawal di sesebuah Kementerian/Jabatan bagi menjamin wujudnya akauntabiliti pengurusan kewangan Kerajaan. Antara lain, Pegawai Pengawal adalah bertanggungjawab untuk menentukan bahawa peruntukan kewangan dan sumber lain yang secukupnya diperoleh, diguna dan diperakaunkan mengikut peraturan kewangan.

6.2. Selaras dengan Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan serta Akta Audit 1957, setiap tahun Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan serta aktiviti Jabatan/Agensi Negeri dan mengemukakan laporan mengenainya untuk dibentangkan di Parlimen dan Dewan Negeri Selangor.

#### 7. PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN KEWANGAN OLEH JABATAN/AGENSI KERAJAAN NEGERI

Pada tahun 2010, beberapa usaha penambahbaikan/pembaharuan telah diambil oleh 9 Agensi Negeri untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan. Antara langkah yang diambil adalah seperti di **Jadual 7.1**.

**Jadual 7.1**  
**Usaha Penambahbaikan/Pembaharuan Yang Telah Diambil Oleh Agensi Negeri**

Bil.	Agensi	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Kuala Langat	Pengurusan kewangan telah dipertingkatkan dengan mewujudkan 9 prosedur kewangan dalam MS 1S0 9001:2008.
2.	Majlis Perbandaran Selayang (MPS)	i. MPS mula melaksanakan kaedah <i>Zero Based Budgeting</i> (ZBB) pada 23 Jun 2009 bagi penyediaan belanjawan tahun 2010. Dalam inovasi sistem ZBB, proses belanjawan mengiktiraf dan mengintegrasikan kesan kewangan terhadap perkhidmatan jangka panjang dan rancangan kemudahan. Setiap Jabatan perlu menyediakan secara komprehensif untuk semua bajet yang dimohon dan diluluskan melalui Borang ZBB. MPS menggunakan ZBB sebagai alat untuk memastikan semua harga atau kos secara berkala dan membuat kajian semula.  ii. Pemantauan dilaksanakan oleh 3 Jawatankuasa Teras Bajet meliputi 3 kategori teras iaitu Teras Pengurusan Dan ICT, Teras Perkhidmatan serta Teras Hasil. Pencapaian prestasi setiap teras dipantau melalui Mesyuarat Teras pada setiap suku tahun dan laporan dibentang dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan. Pemantauan ditumpukan kepada perbelanjaan sama ada mengikut ZBB atau sebaliknya dan akan melaporkan justifikasi terperinci bagi perbelanjaan yang tidak mengikut ZBB.

Bil.	Agensi	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
3.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	<p>MPAJ telah melaksanakan penambahbaikan kepada kaedah kutipan bagi meningkatkan prestasi kutipan cukai seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Pelaksanaan kaunter bergerak mengikut zon dengan kaedah kutipan dari rumah ke rumah.</li> <li>ii. Membuka kaunter di pasar pagi dan di pasar raya sekitar Ampang pada bulan cukai (bulan Januari, Februari, Julai dan Ogos) selepas waktu pejabat.</li> <li>iii. Penyediaan mesin kiosk 24 jam untuk semakan dan bayaran cukai di Ibu Pejabat MPAJ.</li> <li>iv. Menubuhkan Jawatankuasa Khas <i>Task Force</i> Tunggakan Cukai bagi mengatasi tunggakan cukai ke atas individu dan syarikat.</li> </ul>
4.	Majlis Daerah Sepang (MPS)	<p>MPS telah mengambil tindakan mempertingkatkan sistem kutipan hasil dengan mewujudkan pembayaran melalui <i>Electronic Fund Transfer (EFT)</i> mulai 15 Jun 2010. Selain itu, MPS telah menambah saluran kutipan hasil melalui <i>online</i>.</p>
5.	Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. MDKS telah mewujudkan saluran pembayaran cukai taksiran melalui <i>Financial Payment Exchange (FPX)</i> bersama Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) bagi mempertingkatkan prestasi kutipan hasil.</li> <li>ii. MDKS telah melaksanakan sistem e-banker melalui BIMB bagi mempertingkatkan pengurusan pembayaran.</li> </ul>
6.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	<p>MDHS telah memperkuatkannya sistem kutipan hasil selaras dengan peraturan kewangan dan mempertingkatkan prestasi kutipan hasil seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Mengadakan mesin ATM untuk mendepositkan wang tunai dan cek di pejabat MDHS. Ini bagi mempertingkatkan ciri keselamatan wang kutipan agar disimpan dengan segera dan selamat.</li> <li>ii. Mempelbagaikan medium melalui <i>online</i> dan melalui kaunter kutipan Agensi lain. Menyediakan kiosk pembayaran cukai 24 jam di pejabat MDHS.</li> <li>iii. Menubuhkan 2 Pasukan <i>Task Force</i> bagi melaksanakan tugas mengeluarkan waran dan sitaan kepada premis yang gagal melunaskan cukai taksiran dalam tempoh yang ditetapkan. Fokus utama adalah kepada pemilik yang gagal memberi respons terhadap cukai taksiran tahun 2009. Sebanyak 48 waran telah dikeluarkan untuk disempurnakan oleh 2 Pasukan <i>Task Force</i> tersebut.</li> <li>iv. Menetapkan sasaran mengutip 60% cukai taksiran tahun semasa dan 30% tunggakan cukai tahun-tahun lalu. Menugaskan semua anggota kerja Perbendaharaan MDHS dengan menubuhkan Pasukan <i>Task Force</i> bagi membuat kutipan <i>door to door</i> atau secara turun padang dan melancarkan kempen berkaitan cukai taksiran.</li> </ul>

Bil.	Agensi	Keterangan Penambahbaikan/Pembaharuan
7.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)	<p>i. PKNS telah menubuhkan Bahagian Perolehan PKNS pada 1 April 2011 bagi meningkat perkhidmatan dan inovasi yang berterusan berpandukan tatacara perolehan Kerajaan dan bagi mendapatkan nilai faedah terbaik (<i>value for money</i>). Bahagian ini dipertanggungjawabkan untuk mengurus perolehan secara cekap, berkesan dan paling menguntungkan.</p> <p>ii. PKNS juga telah menubuhkan Jawatankuasa Audit bagi memastikan ketelusan pengurusan kewangan PKNS. Ketua Juruaudit Dalam PKNS akan lebih <i>independent</i> dan laporan akan dilaporkan terus kepada Jawatankuasa Audit. Sehubungan itu, Bahagian Audit Dalam PKNS akan lebih telus dalam memantau pengurusan kewangan PKNS.</p>
8.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS)	Peraturan-peraturan Perakaunan Dan Kewangan PKPS 1983 (Pindaan Bilangan Tahun 2010) - Peraturan kewangan telah dikemas kini selaras dengan peraturan dan keperluan semasa bagi mempertingkatkan pengurusan kewangan dan telah diluluskan oleh Jemaah Ahli Lembaga Pengarah PKPS pada 6 Julai 2010.
9.	Majlis Agama Islam Selangor (MAIS)	<p>i. Sistem Pengurusan Maklumat Bersepadu (SPMB) dilaksanakan adalah bagi menambah baik pengurusan operasi dan perakaunan dengan lebih efektif dan efisien. SPMB mempunyai 2 modul iaitu Modul Perakaunan Dan Belanjawan serta Modul Sewaan yang mana kesemua modul diintegrasikan bagi menghasilkan pengurusan kewangan yang lebih sistematik.</p> <p>ii. MAIS telah meningkatkan saluran penerimaan hasil melalui sistem e-MAIS. Kemudahan ini disediakan kepada pembayar sebagai medium terimaan hasil yang telah dipelbagaikan menerusi media elektronik.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 8. PELAKSANAAN INDEKS AKAUNTABILITI

8.1. Bagi menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang seperti Perlembagaan Persekutuan, Akta Audit 1957 dan peraturan yang berkaitan, setiap tahun Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap pengurusan kewangan di Jabatan/Agensi Negeri. Bagi Jabatan, aspek pengurusan kewangan yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan, Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Manakala bagi Perbendaharaan Negeri dan Agensi pula, selain daripada 6 aspek tersebut, aspek lain yang turut dinilai ialah Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyerahan Penyata Kewangan. Setiap aspek yang diperiksa/dinilai itu akan diberi markah dan akhirnya Jabatan/Agensi yang dinilai akan ditentukan penarafan atau *ranking* berdasarkan jumlah markah keseluruhan yang diperoleh seperti di **Jadual 8.1**.

**Jadual 8.1**  
**Tahap Pencapaian Pengurusan Kewangan**

Markah Keseluruhan (%)	Tahap	Penarafan
90 - 100	Sangat Baik	
70 – 89	Baik	
50 – 69	Memuaskan	
49 Dan Ke Bawah	Tidak Memuaskan	

## **8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Bagi membolehkan penarafan diberi kepada tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri, pengauditan telah dijalankan untuk menilai sama ada:

8.2.1. Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang berkesan.

8.2.2. Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan serta pengurusan akaun amanah, aset dan inventori, pelaburan serta pinjaman.

8.2.3. Pengurusan kewangan dibuat mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

8.2.4. Rekod yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

## **8.3. SKOP DAN KAEDAH PENGAUDITAN**

Pada tahun 2010, pengauditan telah dijalankan di 13 Jabatan/Agensi Negeri berdasarkan pusingan, manakala pengauditan setiap tahun dilaksanakan terhadap 3 Jabatan/Agensi Negeri iaitu Pejabat Perbendaharaan Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor dan Majlis Agama Islam Selangor. Pengauditan telah dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen kewangan bagi tahun 2010 di peringkat Ibu Pejabat Jabatan/Agensi Negeri. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2010 dan Penyata Kewangan Agensi Negeri Tahun 2009/2010, bagi menentukan kedudukan prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agensi Negeri secara menyeluruh.

## **8.4. KAWALAN UTAMA**

Pelaksanaan sistem penarafan bagi 6 Jabatan adalah berdasarkan pengauditan terhadap tahap prestasi kewangan mengikut 6 kawalan utama iaitu Kawalan Pengurusan,

Kawalan Bajet, Kawalan Terimaan, Kawalan Perbelanjaan, Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor. Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 9 Agensi Negeri selain 6 kawalan di atas, kawalan terhadap Pengurusan Pelaburan, Pengurusan Pinjaman dan Penyerahan Penyata Kewangan juga turut dibuat. Penjelasan lanjut mengenai kawalan tersebut adalah seperti berikut:

#### **8.4.1. Kawalan Pengurusan**

Bagi menentukan sama ada struktur pengurusan kewangan yang berkesan telah diwujudkan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek utama kawalan pengurusan iaitu struktur organisasi, sistem dan prosedur, keberkesaan Unit Audit Dalam dan jawatankuasa yang diwujudkan serta pengurusan sumber manusia seperti berikut:

##### **8.4.1.1. Struktur Organisasi**

Bagi mewujudkan suatu struktur organisasi yang berkesan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Carta organisasi disediakan dengan lengkap dan kemas kini sepetimana yang ditetapkan di Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991.
- b. Surat penurunan kuasa disediakan dengan lengkap dan sentiasa dikemaskinikan. Had kuasa dan tugas pegawai yang menjalankan tanggungjawab perlu dinyatakan dengan jelas. Seksyen 15A(2), Akta Tatacara Kewangan, Arahan Perbendaharaan (AP) 11, AP 69 dan AP 101 adalah berkaitan.
- c. Kehendak Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 dipatuhi. Pekeliling tersebut menetapkan Senarai Tugas bagi setiap pegawai perlu disediakan dengan lengkap dan jelas menunjukkan hubung kait antara penyelia dengan pegawai bawahan serta rakan sejawat dalam organisasi yang sama. Senarai tugas ini juga perlu sentiasa dikemaskinikan.
- d. Kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 dipatuhi. Selaras dengan pekeliling tersebut, perancangan dan pelaksanaan pusingan kerja mengikut tempoh yang sesuai dalam pelbagai bidang tugas perlu dilaksanakan bagi melahirkan sumber manusia berpotensi serta berupaya menyumbang kepada kecemerlangan organisasi.

##### **8.4.1.2. Sistem Dan Prosedur**

Bagi memastikan sistem dan prosedur yang teratur telah diwujudkan, Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Manual Prosedur Kerja disediakan dengan lengkap, kemas kini dan dikaji semula secara berterusan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.
- b. Fail Meja bagi setiap jawatan disediakan dengan lengkap, kemas kini dan memiliki kesemua 14 ciri-ciri asas Fail Meja yang ditetapkan. Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 8 Tahun 1991 adalah berkaitan.

- c. Pemeriksaan mengejut (seperti yang ditetapkan di bawah AP 309) dijalankan secara berkala (tidak kurang dari sekali dalam tempoh 6 bulan) terhadap peti besi, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas lain yang diguna bagi menyimpan wang, setem atau barang-barang lain yang berharga. Hasil pemeriksaan itu hendaklah direkodkan dengan lengkap untuk memudahkan rujukan.
- d. Garis Panduan Pengurusan Kewangan Dan Akaun serta Dokumen Kualiti yang disediakan oleh Agensi Negeri adalah lengkap dan kemas kini.

#### **8.4.1.3. Jawatankuasa Kewangan Dan Unit Audit Dalam**

Kerajaan menetapkan pelbagai jawatankuasa berkaitan hal kewangan ditubuhkan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri. Fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa tersebut telah ditetapkan melalui surat pekeliling, arahan, garis panduan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa. Bagi memastikan pelbagai jawatankuasa yang telah diwujudkan berfungsi dengan berkesan, Kerajaan juga telah mengeluarkan Panduan Pengurusan Mesyuarat Dan Urusan Jawatankuasa Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 1991. Panduan ini menetapkan dengan jelas peranan Pengerusi dan urus setia dalam sesuatu mesyuarat bagi memastikan keberkesanan jawatankuasa yang telah diwujudkan. Antara jawatankuasa/unit yang perlu diwujudkan bagi memantapkan tahap pengurusan kewangan adalah seperti berikut:

##### **a. Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun**

Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun (JPKA) ditubuhkan di setiap Pusat Tanggungjawab supaya dapat memantapkan lagi pengurusan kewangan dan akaun Jabatan/Agensi Kerajaan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 2008 menetapkan, Jabatan/Agensi Negeri hendaklah melantik seorang Pengerusi dan ahli jawatankuasa, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan dan mengemukakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

##### **b. Unit Audit Dalam**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 2004 menghendaki Unit Audit Dalam (UAD) ditubuhkan di Jabatan/Agensi Negeri bagi membantu Ketua Jabatan memantapkan pencapaian pengurusan dan memastikan pencapaian objektif organisasi secara cekap dan berhemat. Bagi melaksanakan fungsinya, UAD bertanggungjawab menyediakan Rancangan Tahunan Audit Dalam, mengemukakan Rancangan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif masing-masing selewatnya pada 31 Januari, membentangkan Laporan Audit Dalam di Mesyuarat JPKA dan mengemukakan Laporan Tahunan Audit Dalam kepada Ketua Eksekutif selewat-lewatnya pada 31 Mac tahun berikutnya. Manakala tanggungjawab Ketua Jabatan adalah mengkaji dan meluluskan Rancangan Tahunan dan Laporan Tahunan Audit Dalam, memastikan tindakan susulan diambil terhadap pemerhatian/Laporan Audit Dalam dan memastikan anggota UAD mempertingkatkan

pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawab mereka secara berkesan.

**c. Jawatankuasa Keutuhan Dan tadbir Urus**

Selaras dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 Jawatankuasa Keutuhan Dan Tadbir Urus (JKTU) hendaklah ditubuhkan di peringkat Kementerian dan Jabatan bagi tujuan mewujudkan pentadbiran Kerajaan dan perkhidmatan awam yang cekap, berdisiplin serta berintegriti. Antara lain, Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan hendaklah melantik ahli jawatankuasa dan mempengerusikan mesyuarat berkenaan, bermesyuarat setiap 3 bulan, membincangkan perkara yang telah ditetapkan, menyediakan Laporan Suku Tahun dengan lengkap dan seterusnya mengemukakannya kepada pihak berkuasa berkenaan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

**d. Pengurusan Sumber Manusia**

Bagi memastikan pengurusan kewangan dikendalikan dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah menguruskan sumber manusianya dengan cekap seperti menentukan bilangan jawatan dan gred yang sesuai, jawatan diisi sepenuhnya dan latihan dalam bidang kewangan diberikan kepada mereka yang terlibat. Jabatan/Agensi Negeri juga digalakkan memberi pengiktirafan kepada kakitangan yang cemerlang dan mengambil tindakan tatatertib/surc妖 terhadap mereka yang didapati gagal/cuai melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

**8.4.2. Kawalan Bajet**

Bagi menentukan sama ada Jabatan/Agensi Negeri telah menguruskan bajet dengan cekap, berhemat dan mengikut peraturan, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan bajet iaitu penyediaan bajet, pengagihan peruntukan, kelulusan pindah/tambah peruntukan, pemantauan kemajuan/pencapaian bajet dan pelaporan mengenainya seperti berikut:

**8.4.2.1. Penyediaan Bajet**

Peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet oleh setiap Jabatan/Agensi Negeri dikeluarkan melalui Pekeling Perpendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2008 (Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Bajet Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2009-2010). Selain itu, AP 29 hingga 46 juga menetapkan peraturan penyediaan anggaran hasil dan perbelanjaan. Antara lainnya, peraturan kewangan mengenai penyediaan bajet menetapkan perkara mengenai justifikasi setiap anggaran yang disediakan, ketepatan anggaran, prosedur kelulusan bajet di peringkat Jabatan/Agensi Negeri serta tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan bajet dan Perjanjian Program kepada Pegawai Kewangan Negeri.

#### **8.4.2.2. Pengagihan Peruntukan**

Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2008 antara lainnya menetapkan bahawa Pegawai Pengawal perlu mengagihkan peruntukan kepada pemegang waran tertentu sebaik sahaja Waran Am diterima. Mengikut AP 94 pula, pemegang waran peruntukan tersebut boleh mengagihkan waran peruntukan/waran peruntukan kecil kepada pegawai yang berkenaan di mana perlu. Pengagihan waran ini perlu direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **8.4.2.3. Kelulusan Pindah/Tambahan Peruntukan**

Peraturan kewangan mengenai pindah/tambah peruntukan antaranya menetapkan Waran Pindah Peruntukan hendaklah ditandatangani oleh Pegawai Pengawal sendiri atau bagi pihaknya oleh mana-mana pegawai bawahannya yang diberi kuasa secara bertulis. Semua pindah peruntukan hendaklah dibuat pada tahun kewangan berkenaan dan semua Waran Pindah Peruntukan yang dikeluarkan hendaklah disampaikan kepada Pegawai Kewangan Negeri atau wakilnya tidak lewat dari 31 Disember bagi tahun kewangan berkenaan. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu sentiasa mengawasi dan mengemas kini akaun serta memastikan pindah peruntukan dikemaskinikan dalam Buku Vot supaya kawalan perbelanjaan dapat diurus dengan berkesan. Peraturan juga menetapkan pindahan kepada butiran yang telah dikurangkan melalui pindah peruntukan atau pengurangan kepada butiran yang telah ditambah melalui pindah peruntukan adalah tidak dibenarkan kecuali mendapat kelulusan daripada Pegawai Kewangan Negeri terlebih dahulu.

#### **8.4.2.4. Pemantauan Kemajuan/Pencapaian Projek**

Peraturan kewangan menghendaki Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan memantau pelaksanaan projek pembangunan dengan rapi bagi memastikan ia dilaksanakan mengikut jadual. Bagi tujuan ini, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan data mengenai peruntukan dan perbelanjaan projek bagi setiap tahun diisi dan sentiasa dikemas kini dalam Sistem Pemantauan Projek II atau kaedah lain yang diterima pakai, impak setiap aktiviti dinilai sekurang-kurangnya sekali dalam masa 5 tahun dan memastikan perbelanjaan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan.

#### **8.4.2.5. Pelaporan**

Pegawai Pengawal dikehendaki menyediakan beberapa jenis laporan seperti Laporan Perbelanjaan Dan Tanggungan serta laporan untuk Buku Anggaran Belanjawan Program Dan Prestasi. Laporan ini perlu dikemukakan kepada Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh yang ditetapkan. Pegawai Pengawal juga dikehendaki mengemukakan laporan mengenai keperluan aliran wang tunai yang disahkan olehnya kepada Pegawai Kewangan Negeri. Bagi Ketua Jabatan yang bukan Pegawai Pengawal, laporan berkenaan akan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal berkenaan untuk disatukan.

### **8.4.3. Kawalan Terimaan**

Bagi menentukan sama ada segala terimaan telah dikendalikan mengikut peraturan dan diakaunkan dengan sempurna, semakan Audit telah dijalankan terhadap 5 aspek utama kawalan terimaan yang meliputi kawalan borang hasil, penerimaan wang, kemasukan pungutan ke bank, kawalan perakaunan terimaan/hasil dan penyediaan Akaun Belum Terima seperti berikut:

#### **8.4.3.1. Kawalan Borang Hasil**

Kawalan terhadap pelbagai borang hasil seperti buku resit adalah penting bagi memastikan ia tidak disalahgunakan.

#### **8.4.3.2. Penerimaan Wang**

Setiap Jabatan/Agensi Negeri perlu memastikan pegawai yang bertanggungjawab dengan urusan penerimaan wang mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 4 aspek kawalan dalaman yang ditetapkan oleh AP atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri bagi penerimaan wang iaitu dari segi kebenaran/kelulusan menerima kutipan, kawalan penerimaan melalui mel dan penerimaan wang di kaunter.

#### **8.4.3.3. Kemasukan Pungutan Ke Bank**

AP telah menetapkan peraturan mengenai kemasukan wang pungutan ke bank bagi memastikan ketepatan dan keselamatan wang berkenaan. Antaranya adalah mengenai penetapan tempoh memasukkan wang ke bank, kawalan keselamatan penghantaran wang dan penyelenggaraan rekod mengenainya, semakan oleh pegawai bertanggungjawab terhadap slip kemasukan wang ke bank dan keselamatan wang yang tidak sempat dimasukkan ke bank.

#### **8.4.3.4. Kawalan Perakaunan Terimaan/Hasil**

Bagi memastikan peraturan mengenai perakaunan terimaan/hasil yang ditetapkan dalam AP dipatuhi, semakan Audit telah dijalankan terhadap penyerahan Akaun Tunai Bulanan kepada Perbendaharaan Negeri, ketepatan penyediaan Penyata Penyesuaian Hasil Bulanan dan ketepatan Buku Tunai.

#### **8.4.3.5. Akaun Belum Terima**

Dasar dan tatacara bagi penyelenggaraan serta pelaporan Akaun Belum Terima (ABT) ditetapkan oleh Kerajaan melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008 dan beberapa AP. Antara peraturan yang ditetapkan mengenai pengurusan ABT adalah penyediaan Laporan Tunggakan Hasil atau Laporan ABT yang lengkap dan kemas kini, penyerahan Laporan ABT kepada Perbendaharaan Negeri dalam tempoh ditetapkan dan tindakan susulan diambil terhadap jumlah terimaan/hasil yang tertunggak.

#### **8.4.4. Kawalan Perbelanjaan**

Bagi menentukan sama ada semua perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dan diperakaunkan dengan tepat, semakan Audit telah dijalankan terhadap 3 aspek utama kawalan perbelanjaan iaitu perakaunan, pengurusan perolehan dan pengurusan bayaran seperti berikut:

##### **8.4.4.1. Perakaunan**

Semakan Audit dijalankan bagi menentukan Buku Vot dan Penyata Penyesuaian Perbelanjaan diselenggarakan oleh Jabatan/Agensi Negeri adalah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Pekeliling dan AP yang berkaitan.

##### **8.4.4.2. Pengurusan Perolehan**

Setiap tahun, Jabatan/Agensi Negeri membelanjakan jutaan ringgit untuk tujuan perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja. Bagi menentukan pengurusan perolehan Jabatan/Agensi Negeri telah mematuhi peraturan yang berkaitan, semakan Audit dibuat terhadap pengurusan pembelian terus, sebut harga, tender, kontrak dan kontrak pusat.

##### **8.4.4.3. Pengurusan Bayaran**

Semakan Audit dijalankan terhadap kawalan dalaman bagi proses bayaran, kesempurnaan bayaran yang memerlukan kelulusan khas, penyediaan dan penyimpanan daftar/rekod pembayaran dan Daftar Bil, bayaran pukal serta Panjar Wang Runcit.

#### **8.4.5. Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit**

Pengurusan dan kawalan terhadap kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit adalah penting untuk menentukan ia diurus dengan teratur, mengikut Pekeliling dan arahan amanah yang ditetapkan serta diakaunkan dengan betul dan kemas kini. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengurusan kumpulan wang seperti berikut:

##### **8.4.5.1. Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah**

Tatacara pengurusan akaun amanah ditetapkan melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 18 Tahun 2001. Semakan Audit telah dijalankan terhadap pengendalian kumpulan wang amanah/akaun amanah di Jabatan/Agensi Negeri dari segi penyediaan dan penyerahan penyata tahunan untuk diaudit serta kesempurnaan rekod perakaunan/penyata penyesuaian akaun/transaksi akaun.

##### **8.4.5.2. Pengurusan Kumpulan Wang Pinjaman**

Jabatan/Agensi Negeri perlu menguruskan kumpulan wang pinjaman dan pendahuluan diri/pelbagai mengikut pekeliling/surat pekeliling perbendaharaan yang berkaitan seperti berikut atau peraturan yang telah ditetapkan oleh Agensi Negeri berkaitan:

- a. Pinjaman kenderaan hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 dan 8 Tahun 1993.
- b. Pinjaman komputer hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1992.
- c. Pendahuluan diri hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1993.
- d. Pendahuluan pelbagai hendaklah diuruskan berdasarkan peraturan yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 13 Tahun 1990.

#### **8.4.5.3 Pengurusan Akaun Deposit**

Tatacara dan pengurusan akaun deposit ditetapkan melalui AP 156 hingga 163. Manakala Agensi Negeri yang mempunyai peraturan kewangan dan perakaunan sendiri, pengurusan akaun deposit perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.

#### **8.4.6. Pengurusan Aset Dan Stor**

Perolehan aset dan inventori perlu direkodkan, dikawal dan dipantau dengan sempurna bagi mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan penyalahgunaan. Sehubungan ini, semakan Audit telah dijalankan untuk menilai tahap pematuhan Jabatan/Agensi Negeri kepada peraturan yang ditetapkan oleh pekeliling/surat pekeliling perbendaharaan yang berkenaan dan Tatacara Pengurusan Stor atau peraturan yang ditetapkan oleh Agensi Negeri berhubung dengan perkara seperti berikut:

##### **8.4.6.1. Kawalan Umum**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Pegawai Pengawal hendaklah mewujudkan Unit Pengurusan Aset yang antaranya bertanggungjawab untuk mengurus pelantikan Pegawai Pemeriksa, Lembaga Pemeriksa dan Jawatankuasa Penyiasat. Unit tersebut diberi tanggungjawab menjadi Urus Setia kepada Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan yang diwujudkan, menguruskan pelupusan, kehilangan dan hapus kira aset serta menyelaras penyediaan laporan mengenainya. Selain itu, Pegawai Pengawal perlu melantik seorang Pegawai Aset secara bertulis bagi setiap pusat tanggungjawab di bawahnya dan memastikan Pegawai Aset di peringkat Ibu Pejabat diberi tanggungjawab sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan.

##### **8.4.6.2. Penerimaan**

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, seorang Pegawai Penerima hendaklah diberi kuasa untuk menerima dan mengesahkan aset yang diterima. Tanggungjawab seseorang Pegawai Penerima adalah memastikan aset/bekalan pejabat diterima menepati spesifikasi, kualiti dan kuantiti yang telah ditetapkan sebelum membuat pengesahan penerimaan. Bagi membolehkan Pegawai Penerima membuat rujukan, satu salinan dokumen kontrak hendaklah disimpan oleh pegawai ini. Bagi penerimaan bekalan pejabat pula, Borang Terima Barang perlu disahkan dan direkodkan pada Kad Kawalan

Stok dan Kad Petak. Borang Laporan Penerimaan Aset Alih Kerajaan hendaklah disediakan, disahkan dan dihantar dengan serta merta kepada agen penghantaran atau syarikat pembekal. Aset hendaklah diterima berserta Surat Jaminan dan manual penggunaan/penyenggaraan.

#### **8.4.6.3. Pendaftaran**

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset perlu didaftarkan dalam tempoh 2 minggu dari tarikh pengesahan penerimaan. Aset tersebut perlu dilabelkan dengan tanda Hak Milik Kerajaan dan nombor siri pendaftaran.

#### **8.4.6.4. Penggunaan, Penyimpanan Dan Pemeriksaan Aset**

Bagi memastikan penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan aset diurus dengan baik, setiap Jabatan/Agensi Negeri hendaklah memastikan peraturan seperti berikut yang ditetapkan di Pekeliling Perbendaharaan yang berkenaan dipatuhi:

- a. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan aset diguna hanya bagi tujuan rasmi sahaja dan mengikut tujuan asal perolehannya. Setiap aset hendaklah dikendalikan oleh pegawai yang mahir dan berkelayakan, pengeluaran/penggunaannya direkodkan dengan teratur serta kerosakan aset dilaporkan dengan menggunakan borang yang ditetapkan. Aset perlu disimpan di tempat yang selamat dan sesuai serta sentiasa di bawah kawalan pegawai yang bertanggungjawab.
- b. Pekeliling tersebut juga menghendaki sekurang-kurangnya 2 Pegawai Pemeriksa/Lembaga Verifikasi Stok dilantik secara bertulis. Pemeriksaan aset dilaksanakan sekurang-kurangnya sekali setahun dan verifikasi stok dilaksanakan mengikut tempoh yang ditetapkan. Laporan Pemeriksaan Harta Modal dan Laporan Pemeriksaan Inventori disediakan dengan lengkap dan dikemukakan kepada Ketua Jabatan dan seterusnya kepada Perbendaharaan Negeri di mana berkenaan.
- c. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 menetapkan penggunaan kenderaan Jabatan/Agensi Negeri dikawal dengan melantik seorang Pegawai Pengangkutan yang bertanggungjawab meluluskan penggunaan kenderaan dan menyediakan fail sejarah bagi setiap kenderaan, menyelenggarakan Buku Log dengan lengkap dan kemas kini serta menyediakan Cerakinan Bulanan Penggunaan Bahan Api setiap bulan bagi mengawal kegunaan bahan api.
- d. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1996 pula menetapkan penggunaan kenderaan pegawai Gred JUSA dikawal dengan teratur di mana pembelian minyak setahun tidak melebihi had yang ditetapkan/diluluskan.
- e. Selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6 Tahun 1999, Kad Inden Minyak perlu dikawal dengan teratur melalui penyelenggaraan Buku Rekod Pergerakan Kad Inden yang lengkap dan kemas kini. Penyata pembelian atau penyata kad perlu disemak sebelum bayaran dilakukan.

- f. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 1999 menetapkan kad elektronik bagi pembayaran tol dikawal dengan teratur dan rekod berhubung dengan penggunaannya diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

#### **8.4.6.5. Penyenggaraan Aset**

Bagi memastikan aset disenggarakan dengan baik, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Senarai aset yang memerlukan penyenggaraan disediakan dengan lengkap dan kemas kini, jadual penyenggaraan disediakan dan dilaksanakan seperti dirancang, penyenggaraan direkodkan dengan betul dan lengkap, program penyenggaraan dinilai dan penyenggaraan aset oleh pihak swasta diselia dan dipantau bagi memastikan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian dipatuhi. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 adalah berkaitan.
- b. Kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1980 dipatuhi. Pekeliling ini menetapkan kenderaan perlu disenggarakan secara berjadual, manakala kos penyenggaraan dan pembaikan perlu direkodkan dalam fail kenderaan dan Daftar Harta Modal. Kenderaan juga hendaklah disimpan dengan selamat.

#### **8.4.6.6. Pelupusan**

Bagi memastikan pelupusan aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Lembaga Pemeriksa dilantik untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun. Lembaga Pemeriksa perlu menyediakan jadual pemeriksaan dan ia perlu dilaksanakan dalam tempoh satu bulan dari tarikh arahan dikeluarkan. Laporan Lembaga Pemeriksa hendaklah disediakan dan ditandatangani. Lembaga Pemeriksa juga perlu mengesyorkan kaedah pelupusan yang sesuai.
- b. Perakuan pelupusan aset mekanikal, teknikal, elektrik dan elektronik disediakan oleh Jabatan/Pegawai Teknikal berkaitan. Manakala perakuan pelupusan aset disahkan oleh 2 pegawai yang mempunyai 3 tahun pengalaman dan tidak terlibat dengan pengurusan aset berkenaan.
- c. Kaedah pelupusan aset dibuat dengan teratur dan dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan dikeluarkan. Sijil Penyaksian Pemusnahan Aset Alih Kerajaan dan Sijil Pelupusan Aset disediakan dan dikemukakan kepada pihak yang memberi kelulusan. Seterusnya, rekod aset yang telah diluluskan pelupusan itu perlu dikemaskinikan.

#### **8.4.6.7. Kehilangan Dan Hapus Kira**

Bagi memastikan kehilangan dan hapus kira aset diuruskan dengan teratur dan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, setiap Jabatan/Agenzi Negeri hendaklah memastikan:

- a. Kehilangan aset dilaporkan kepada Ketua Jabatan dengan serta merta dan laporan polis dibuat dalam tempoh 24 jam dari waktu kehilangan. Ketua Pejabat menyedia Laporan Awal dan dikemukakan kepada Pegawai Pengawal dan Pegawai Kewangan Negeri dalam tempoh 2 hari bekerja. Sesalinan Laporan Awal dikemukakan kepada Pegawai Pengawal, Pegawai Kewangan Negeri dan Ketua Audit Negara atau wakil tempatan Ketua Audit Negara.
- b. Jawatankuasa Penyiasat dilantik secara bertulis oleh Pegawai Pengawal dalam tempoh 2 minggu dari tarikh Laporan Awal disediakan. Laporan Akhir disediakan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh lantikan Jawatankuasa tersebut walaupun Laporan Hasil Penyiasatan Polis belum diperoleh. Laporan Akhir yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada pihak yang menerima Laporan Awal. Laporan ini perlu dikemukakan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh Laporan Awal dihantar.

#### **8.4.7. Pengurusan Pelaburan**

Pelaburan merupakan tindakan melabur dana bagi suatu tempoh masa untuk memperoleh pulangan yang dikehendaki dengan menyedari sepenuhnya risiko yang terbabit. Pelaburan yang dibuat hendaklah mengikut peraturan yang berkaitan. Rekod perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan kawalan dan pemantauan. Antara elemen kawalan yang perlu diwujudkan adalah penubuhan Jawatankuasa Pelaburan yang berfungsi menguruskan pelaburan Agensi. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa melabur, had pelaburan, sasaran pelaburan dan pemantauan pelaburan.

#### **8.4.8. Pengurusan Pinjaman**

Pinjaman dibuat bagi membiayai pelbagai projek untuk pembangunan ekonomi negeri, menampung perbelanjaan dan meningkatkan taraf pembangunan serta kemajuan penduduk. Pinjaman tersebut hendaklah digunakan mengikut maksud pinjaman dimohon. Antara perkara yang perlu diberi perhatian adalah kuasa untuk meminjam, penyelenggaraan rekod pinjaman yang lengkap dan kemas kini, perjanjian pinjaman disediakan serta mekanisme kawalan dan pemantauan pinjaman.

#### **8.4.9. Penyerahan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi sesuatu tahun kewangan perlu dikemukakan kepada Ketua Audit Negara untuk diaudit dalam tempoh 7 bulan selepas sesuatu tahun kewangan. Surat Hebah Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 8 Tahun 2009 pula menghendaki Agenzi Negeri mengemukakan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tahun kewangan berikutnya. Peraturan ini bagi membolehkan Penyata Kewangan dan laporan tahunan

Kerajaan Negeri/Agenzi Negeri dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada tahun yang sama dan tidak lewat dari 31 Disember setiap tahun. Ini bertujuan untuk meningkatkan akauntabiliti dan tadbir urus yang baik di Jabatan Kewangan Negeri dan Agenzi Negeri. Di samping itu, pembentangan awal membolehkan *stakeholders* menilai pencapaian Kerajaan Negeri/Agenzi Negeri yang lebih jelas, lengkap dan relevan.

## 8.5. PENEMUAN AUDIT

### 8.5.1. Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan

Pada keseluruhannya, prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2010 adalah bertambah baik berbanding tahun 2009. Pada tahun 2010, prestasi pengurusan kewangan bagi 4 Jabatan/Agenzi Negeri adalah pada tahap sangat baik berbanding satu Jabatan/Agenzi Negeri pada tahun 2009. Kedudukan tahap prestasi pengurusan kewangan Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2007 hingga 2010 secara keseluruhan adalah seperti di **Jadual 8.2**, manakala tahap prestasi pengurusan kewangan mengikut Jabatan/Agenzi Negeri bagi tahun 2010 adalah seperti di **Carta 8.1**.

**Jadual 8.2**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agenzi Negeri**  
**Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**

Tahap Penarafan	Jabatan				Agenzi Negeri			
	2007	2008	2009	2010	2007	2008	2009	2010
Sangat Baik	-	-	-	2	-	1	1	2
Baik	4	9	10	5	4	4	4	6
Memuaskan	2	-	-	-	-	-	1	1
Tidak Memuaskan	-	-	-	-	-	-	-	-
<b>Jumlah</b>	<b>6</b>	<b>9</b>	<b>10</b>	<b>7</b>	<b>4</b>	<b>5</b>	<b>6</b>	<b>9</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

**Carta 8.1**  
**Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti**  
**Jabatan/Agenzi Negeri Pada Tahun 2010**




Sumber: Jabatan Audit Negara

## 8.5.2. Tahap Pematuhan Terhadap Kawalan Utama

### 8.5.2.1. Jabatan

Semakan Audit selanjutnya di 6 Jabatan mendapati 2 Jabatan mencatatkan tahap sangat baik dan 4 Jabatan memperoleh tahap baik dalam Kawalan Pengurusan. Kawalan Bajet pula sebanyak 5 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan satu Jabatan pada tahap baik. Bagi Kawalan Terimaan, 4 Jabatan memperoleh tahap sangat baik dan 2 Jabatan pada tahap baik. Tiga Jabatan masing-masing mencapai tahap sangat baik dan baik dalam Kawalan Perbelanjaan. Sebanyak 2 Jabatan berada pada tahap sangat baik, 3 Jabatan pada tahap baik dan satu Jabatan pada tahap memuaskan dalam menguruskan kumpulan wang amanah/akaun amanah dan deposit. Bagi Pengurusan Aset Dan Stor, daripada 6 Jabatan hanya satu Jabatan berada pada tahap sangat baik, 3 Jabatan pada tahap baik dan 2 Jabatan pada tahap memuaskan. Tahap pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan utama bagi Jabatan adalah seperti di **Carta 8.2**.

**Carta 8.2**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama**  
**Bagi Jabatan Tahun 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara


### 8.5.2.2. Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri

Tahap pencapaian pematuhan pengurusan kewangan mengikut kawalan utama Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 9 Agensi Negeri adalah seperti di **Carta 8.3** dan dirumuskan berikut:

- a. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 6 Agensi mendapat tahap sangat baik dalam Kawalan Pengurusan. Manakala 3 Agensi lain mencapai tahap baik dalam kawalan ini.
- b. Tahap prestasi Kawalan Bajet 6 Agensi mencapai tahap sangat baik, 3 Agensi pada tahap baik dan satu Agensi pada tahap memuaskan.

- c. Bagi Kawalan Terimaan, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 4 Agensi berada pada tahap sangat baik. Empat Agensi lain pula mencapai tahap baik dan satu Agensi pada tahap memuaskan.
- d. Tahap pencapaian sangat baik juga dicapai oleh Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 2 Agensi dalam Kawalan Perbelanjaan. Bagi kawalan ini, 5 Agensi dan 2 Agensi masing-masing memperoleh tahap baik dan memuaskan.
- e. Bagi Pengurusan Kumpulan Wang Amanah/Akaun Amanah Dan Deposit serta Pengurusan Aset Dan Stor, hanya satu Agensi mencapai tahap sangat baik. Manakala Agensi lain sama ada memperoleh tahap baik, memuaskan atau tidak memuaskan.
- f. Manakala bagi Pengurusan Pelaburan pula, 8 Agensi memperoleh tahap sangat baik berbanding dengan satu Agensi pada tahap baik. Satu Agensi lain tidak membuat sebarang pelaburan.
- g. Pejabat Perbendaharaan Negeri dan satu Agensi telah mencapai tahap sangat baik dalam menguruskan pinjamannya. Bagaimanapun, satu Agensi lain pada tahap memuaskan. Baki 7 Agensi tidak terlibat dalam aktiviti pinjaman.
- h. Selain itu, Pejabat Perbendaharaan Negeri dan 8 Agensi mencapai tahap sangat baik di dalam Penyerahan Penyata Kewangan. Satu Agensi lain berada di tahap baik dalam aspek ini.

**Carta 8.3**  
**Tahap Pematuhan Pengurusan Kewangan Mengikut Kawalan Utama**  
**Bagi Pejabat Perbendaharaan Negeri Dan Agensi Negeri Tahun 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara


Nota: Satu Agensi tidak terlibat dengan aktiviti pelaburan dan 7 Agensi tidak terlibat dengan aktiviti pinjaman.

### 8.5.3. Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri

Analisis Audit terhadap 10 Jabatan/Agensi Negeri yang telah dilaksanakan pengauditan sekurang-kurangnya 2 kali atau lebih bagi tahun 2007 hingga 2010 menunjukkan, tahap

prestasi pengurusan kewangan 9 Jabatan/Agensi Negeri telah bertambah baik kecuali Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). Tahap prestasi pengurusan kewangan MAIS menurun disebabkan oleh prestasi Pengurusan Aset Dan Stor (dengan wajaran 20% yang ditetapkan) telah menurun sebanyak 42.5% iaitu daripada 17.9% pada tahun 2009 berbanding dengan 10.3% pada tahun 2010. Kelemahan ketara berlaku dalam aspek peraturan penerimaan, urusan pendaftaran, penggunaan aset serta pemeriksaan aset dan stok/pengiraan stok/verifikasi stor. Selain itu, 3 Jabatan/Agensi Negeri lain iaitu Perbendaharaan Negeri Selangor, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa serta Majlis Perbandaran Selayang telah mendapat tahap prestasi sangat baik pada tahun 2010 berbanding tahap prestasi baik pada tahun 2007/2008. Manakala 2 Jabatan Negeri telah meningkat dari tahap prestasi memuaskan pada tahun 2007 menjadi tahap prestasi baik pada tahun 2010. Kedudukan trend tahap prestasi pengurusan kewangan tahun 2007 hingga 2010 bagi PNS, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan MAIS yang merupakan 3 Jabatan/Agensi Negeri yang wajib diaudit setiap tahun dan trend bagi 7 Jabatan/Agensi Negeri yang lain adalah seperti di **Carta 8.4**.

**Carta 8.4**  
**Perbandingan Tahap Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti PKNS, MAIS Dan PNS Dan 7 Agensi Bagi Tahun 2007 Hingga 2010**



Sumber: Jabatan Audit Negara

## **8.6. SYOR AUDIT**

Sungguhpun prestasi pengurusan kewangan di peringkat Jabatan/Agensi Negeri bagi tahun 2010 menunjukkan peningkatan, namun bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan/Agensi Negeri mengambil tindakan terhadap perkara berikut:

8.6.1. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit berbincang secara terperinci isu yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan Unit Audit Dalam serta memastikan tindakan *corrective* dan *preventive* diambil. Tindakan *corrective* adalah untuk memastikan kelemahan yang dibangkitkan dapat diperbetulkan. Manakala tindakan *preventive* adalah bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Jawatankuasa Audit hendaklah melaporkan hasil perbincangannya kepada Jawatankuasa Pengurusan Kewangan Dan Akaun.

8.6.2. Memandangkan pengauditan terhadap pengurusan kewangan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara bagi tujuan memberi penarafan adalah terhad kepada beberapa Pusat Tanggungjawab (PTJ) sahaja, Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan patut mengarahkan Unit Audit Dalam menjalankan pengauditan di PTJ yang lain untuk memastikan sama ada kelemahan yang sama tidak berlaku di pejabat berkenaan.

8.6.3. Penglibatan/penyeliaan oleh Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara *hands-on* dalam urusan tersebut.

8.6.4. Tindakan surc妖/tataterib dikenakan terhadap mereka yang gagal memungut hasil/membuat bayaran yang tidak teratur. Tindakan juga patut diambil terhadap pegawai yang gagal mengambil tindakan terhadap pegawai di bawah penyeliaan mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawab masing-masing.

8.6.5. Latihan yang berterusan diberikan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan.

## **9. PEMERIKSAAN AUDIT MENGEJUT**

### **9.1. PENDAHULUAN**

Arahan Perbendaharaan menetapkan Ketua Jabatan hendaklah memastikan pegawai yang dipertanggungjawabkan telah menyimpan wang awam, setem atau barang berharga yang lain dengan selamat di dalam peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas lain. Ketua Jabatan juga hendaklah memastikan rekod mengenainya diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan diperiksa oleh pegawai kanan secara berkala. Untuk menentukan sejauh mana peraturan ini dipatuhi, Jabatan Audit Negara telah menjalankan Pemeriksaan Audit Mengejut di 12 Jabatan/Pejabat Negeri seperti di **Jadual 9.1**.

**Jadual 9.1**  
**Jabatan/Pejabat Yang Dipilih Untuk Pemeriksaan Audit Mengejut**  
**Bagi Tahun 2010**

Bil.	Jabatan/Pejabat
1.	Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
2.	Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat
3.	Pejabat Pertanian Daerah Hulu Selangor
4.	Pejabat Pertanian Daerah Sabak Bernam
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Petaling
6.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Sepang
7.	Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Sabak Bernam
8.	Pejabat Daerah Dan Tanah Hulu Langat
9.	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang
10.	Majlis Perbandaran Selayang
11.	Majlis Perbandaran Kajang
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 9.2. PENEMUAN AUDIT

Pemeriksaan Audit Mengejut yang telah dijalankan mendapati secara keseluruhannya kelemahan yang diperhatikan adalah seperti di **Jadual 9.2**.

**Jadual 9.2**  
**Isu Audit Hasil Pemeriksaan Audit Mengejut Bagi Tahun 2010**

Bil.	Isu Audit	Jabatan/Pejabat/Agensi Yang Terlibat
1.	Pemeriksaan mengejut tidak dijalankan mengikut tempoh yang ditetapkan atau tidak menyeluruh.	i. Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat ii. Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Petaling iii. Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor
2.	Buku Panjar Wang Runcit tidak dikemaskinikan dan baki wang dalam tangan tidak disesuaikan.	i. Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat ii. Majlis Daerah Kuala Selangor
3.	Kutipan lewat dibankkan.	i. Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat ii. Majlis Perbandaran Kajang
4.	Buku tunai tidak di kemas kini, tiada semakan harian dan berlaku perbezaan antara wang tunai dengan jumlah pada resit.	i. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang ii. Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Sabak Bernam iii. Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat iv. Majlis Perbandaran Kajang
5.	Pegawai yang ditugaskan membatalkan resit tidak diberi surat kebenaran secara bertulis.	i. Majlis Daerah Kuala Selangor
6.	Resit lewat dikeluarkan.	i. Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat
7.	Daftar penggunaan setem tidak diselenggara atau tidak lengkap.	i. Pejabat Pertanian Daerah Hulu Langat ii. Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Petaling
8.	Daftar deposit tidak lengkap dan tidak kemas kini.	i. Mahkamah Rendah Syariah Daerah Klang

Sumber: Jabatan Audit Negara

9.3. Ketua Jabatan/Pejabat yang berkenaan telah dimaklumkan tentang perkara yang diperhatikan dan mereka telah diminta untuk mengambil tindakan pembetulan dengan sewajarnya.



## **BAHAGIAN V**

# **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**



**BAHAGIAN V**  
**PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN**  
**PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN**  
**AGENSI NEGERI**

## **10. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara juga mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam, Pihak Berkuasa Tempatan dan Kumpulan Wang. Pengauditan ini adalah untuk mengesah dan memastikan ketepatannya serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama dengan berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.

### **10.1. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN**

Kerajaan Negeri mempunyai 25 Agensi iaitu 7 Badan Berkanun Negeri, 5 Kumpulan Wang, satu Majlis Agama Islam dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Mengikut Seksyen 7(3) Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara boleh melantik mana-mana orang yang difikirkan kompeten untuk menjalankan pengauditan bagi pihaknya. Selaras dengan itu, Firma Audit Swasta telah dilantik menjalankan pengauditan Penyata Kewangan bagi 20 Agensi melibatkan 6 Badan Berkanun Negeri, 2 Kumpulan Wang dan 12 Pihak Berkuasa Tempatan. Manakala pengauditan terhadap satu Badan Berkanun Negeri, 3 Kumpulan Wang dan Majlis Agama Islam Selangor dijalankan sendiri oleh Jabatan Audit Negara. Pemantauan terhadap Firma Audit Swasta diadakan dari semasa ke semasa bagi memastikan isu dan permasalahan pengauditan yang dihadapi dapat diselesaikan dengan lebih awal dan berkesan.

### **10.2. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**

Mengikut Enakmen Penubuhan Badan Berkanun Negeri, Badan Berkanun berkenaan dikehendaki mengemukakan Penyata Kewangan untuk diaudit dalam masa 6 bulan selepas akhir setiap tahun kewangan. Bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Seksyen 60(2) Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki PBT menyediakan Penyata Kewangan dengan seberapa segera apabila tamat tempoh kewangan bagi tahun tersebut untuk membolehkan Ketua Audit Negara mengesahkan Penyata Kewangan pada atau sebelum akhir bulan Oktober tahun berikutnya. Bagaimanapun, Surat Hebahan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Bilangan 8 Tahun 2009 pula menetapkan Agensi Negeri perlu mengemukakan Penyata Kewangan bagi sesuatu tahun kewangan kepada Ketua Audit Negara tidak lewat daripada 30 April tahun kewangan berikutnya. Semua pihak yang bertanggungjawab iaitu Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang, PBT dan Majlis Agama Islam kecuali Majlis Sukan Negeri Selangor dan Kumpulan Wang Hospital Tai Wa telah memberi komitmen yang baik dengan menyerahkan Penyata Kewangan tahun 2009 dalam tempoh 4 bulan yang ditetapkan. Penyata Kewangan bagi Kumpulan Wang Hospital Tai Wa telah dikemukakan pada 1 Mac 2011. Manakala Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri yang dikemukakan pada 19 Januari 2011 telah dikembalikan kepada Majlis untuk disediakan semula kerana persembahan akaun yang tidak mematuhi piawaian yang diluluskan. Majlis telah mengemukakan semula Penyata Kewangan yang telah dipinda pada 20 Mei 2011.

Kedudukan penyerahan Penyata Kewangan sehingga 31 Mei 2011 adalah seperti di **Jadual 10.1**.

**Jadual 10.1**  
**Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan Agensi Negeri Sehingga 31 Mei 2011**

Bil.	Agensi	Penyata Kewangan Terakhir Diakui	Penyata Kewangan Sedang Diaudit	Penyata Kewangan Belum Terima
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>				
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2009	2010	-
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2009	2010	-
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	2009	2010	-
4.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (Sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Muzium Negeri Selangor)	2009	2010	-
5.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	2009	2010	-
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2009	2010	-
7.	Majlis Sukan Negeri Selangor	2008	2009	2010
<b>B. KUMPULAN WANG</b>				
1.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	2009	-	2010
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	2009	-	2010
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	2009	-	2010
4.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	2009	-	2010
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	2008	2009	2010
<b>C. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>				
1.	Majlis Agama Islam Negeri Selangor	2009	2010	-
<b>D. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>				
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2009	2010	-
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2009	2010	-
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2009	2010	-
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2009	2010	-
5.	Majlis Perbandaran Selayang	2009	2010	-
6.	Majlis Perbandaran Klang	2009	2010	-
7.	Majlis Perbandaran Kajang	2009	2010	-
8.	Majlis Perbandaran Sepang	2009	2010	-
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	2009	2010	-
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2009	2010	-
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2009	2010	-
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2009	2010	-

Sumber: Jabatan Audit Negara

### 10.3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN

Pada tahun 2010, sebanyak 23 Penyata Kewangan tahun 2009 telah diaudit dan dikeluarkan sijil. Sebanyak 20 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 3 Penyata Kewangan lagi telah memperoleh Sijil Audit Berteguran berbanding dengan Penyata Kewangan tahun 2008, di mana sebanyak 17 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran dan 8 Sijil Audit Berteguran. Pada tahun 2009, Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney dan Majlis Bandaraya Shah Alam kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta

penyelenggaraan rekod perakaunan yang tidak memuaskan. Antaranya dokumen hak milik ke atas tanah/bangunan tidak dikemukakan untuk diaudit dan Penyata Oleh Lembaga Pemegang Amanah Kumpulan Wang Amanah tidak dikemukakan bersama Penyata Kewangan. Sijil Audit terhadap Penyata Kewangan Majlis Sukan Negeri Selangor dan Kumpulan Wang Hospital Tai Wa masih belum dikeluarkan kerana Penyata Kewangan sedang diaudit. Kedudukan jenis sijil yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah seperti di **Jadual 10.2**.

**Jadual 10.2**

**Kedudukan Jenis Sijil Audit Yang Dikeluarkan Bagi Penyata Kewangan Agensi Negeri Pada Tahun 2009 Berbanding 2008**

Bil.	Agensi	Jenis Sijil (Tahun Kewangan)	
		2008	2009
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	Berteguran	Tanpa Teguran
4.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (Sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Muzium Negeri Selangor)	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Lembaga Urus Air Selangor	Berteguran	Tanpa Teguran
7.	Majlis Sukan Negeri Selangor	Tanpa Teguran	SA
<b>B. KUMPULAN WANG</b>			
1.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	Berteguran	Tanpa Teguran
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	Berteguran	Berteguran
4.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	Berteguran	Berteguran
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	Berteguran	SA
<b>C. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>			
1.	Majlis Agama Islam Selangor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
<b>D. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Berteguran	Berteguran
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
5.	Majlis Perbandaran Selayang	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
6.	Majlis Perbandaran Klang	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
7.	Majlis Perbandaran Kajang	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
8.	Majlis Perbandaran Sepang	Berteguran	Tanpa Teguran
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Tanpa Teguran	Tanpa Teguran

\* SA - Penyata Kewangan Sedang Diaudit Kerana Lewat Diterima

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang, Majlis Agama Islam Selangor Dan PBT

#### **10.4. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN**

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai akaun Agensi Negeri dibentang dalam Dewan Negeri Selangor. Enakmen Penubuhan bagi 6 Badan Berkanun Negeri dan Seksyen 60(5) Akta Kerajaan Tempatan 1976 juga memperuntukkan supaya Penyata Kewangan yang telah diperakui oleh Ketua

Audit Negara dibentangkan di Dewan yang sama. Kedudukan Penyata Kewangan tahun 2009 yang telah dibentangkan adalah seperti di **Jadual 10.3**.

**Jadual 10.3**  
**Kedudukan Pembentangan Penyata Kewangan Agensi Negeri**  
**Sehingga 31 Mei 2011**

Bil.	Agensi	Akaun Terakhir Dibentangkan	
		Tahun Akaun	Tarikh Dibentangkan
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>			
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	2009	12.07.2010
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2009	08.11.2010
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor	2009	29.03.2011
4.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (Sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Muzium Negeri Selangor)	2009	29.03.2011
5.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	2009	12.07.2010
6.	Lembaga Urus Air Selangor	2009	12.07.2010
7.	Majlis Sukan Negeri Selangor	TB	TB
<b>B. KUMPULAN WANG</b>			
1.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	TB	TB
2.	Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	TB	TB
3.	Kumpulan Wang Biasiswa Institut Victoria	TB	TB
4.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	TB	TB
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	TB	TB
<b>C. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>			
1.	Majlis Agama Islam Selangor	2009	08.11.2010
<b>D. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>			
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	2009	08.11.2010
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	2009	08.11.2010
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	2009	08.11.2010
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	2009	08.11.2010
5.	Majlis Perbandaran Selayang	2009	08.11.2010
6.	Majlis Perbandaran Klang	2009	08.11.2010
7.	Majlis Perbandaran Kajang	2009	08.11.2010
8.	Majlis Perbandaran Sepang	2009	08.11.2010
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	2009	08.11.2010
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	2009	08.11.2010
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	2009	08.11.2010
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	2009	08.11.2010

\* TB - Tidak Berkenaan

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 10.5. PRESTASI PENYATA KEWANGAN

### 10.5.1. Analisis Kedudukan Kewangan

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 menunjukkan 4 Badan Berkanun Negeri dan 7 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengakhiri tahun kewangan dengan memperoleh surplus berbanding perbelanjaan. Manakala 2 Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Selangor dan 5 Pihak Berkuasa Tempatan telah mengalami defisit pada tahun

2009 berikutnya peningkatan perbelanjaan tidak seimbang dengan peningkatan pendapatan. Seterusnya prestasi kewangan tahun 2009 menunjukkan 6 Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Selangor dan 9 Pihak Berkuasa Tempatan memperoleh lebihan Aset Semasa yang mengukur keupayaan Agensi dalam memenuhi tuntutan dan tanggungan jangka pendek. Prestasi kewangan Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan berasaskan Penyata Kewangan bagi tahun 2009 adalah seperti di **Jadual 10.4**.

**Jadual 10.4**

**Prestasi Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Selangor  
Dan Pihak Berkuasa Tempatan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2009**

Bil.	Agensi	Penyata Pendapatan Berakhir 31.12.2009			Lembaran Imbangan Pada 31.12.2009		
		Hasil (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	Surplus/ (Defisit) (RM Juta)	Aset Semasa (RM Juta)	Liabiliti Semasa (RM Juta)	Aset Semasa Bersih (RM Juta)
<b>A. BADAN BERKANUN NEGERI</b>							
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	705.82	574.95	130.87	2,530.54	595.05	1,935.49
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	39.63	42.83	(3.20)	151.96	55.54	96.42
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	14.92	16.13	(1.21)	1.22	1.00	0.22
4.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor (Sebelum ini dikenali sebagai Lembaga Muzium Negeri Selangor)	8.59	7.04	1.55	5.83	0.69	5.14
5.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	34.06	17.68	16.38	83.99	19.37	64.62
6.	Lembaga Urus Air Selangor	5.63	4.18	1.45	11.74	4.09	7.65
7.	Majlis Sukan Negeri Selangor	SA	SA	SA	SA	SA	SA
<b>B. MAJLIS AGAMA ISLAM</b>							
1.	Majlis Agama Islam Selangor	313.53	330.31	(16.78)	218.38	37.44	180.94
<b>C. PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>							
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	203.01	204.34	(1.33)	152.43	147.22	5.21
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	243.38	229.50	13.88	200.59	70.40	130.19
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	217.41	205.73	11.68	141.37	115.80	25.57
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	126.88	106.52	20.36	85.73	19.78	65.95
5.	Majlis Perbandaran Selayang	124.87	132.55	(7.68)	53.96	73.71	(19.75)
6.	Majlis Perbandaran Klang	186.74	189.17	(2.43)	68.40	109.00	(40.60)
7.	Majlis Perbandaran Kajang	116.24	107.95	8.29	205.24	130.67	74.57
8.	Majlis Perbandaran Sepang	62.29	64.01	(1.72)	75.39	24.26	51.13
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	36.71	35.43	1.28	36.94	22.29	14.65
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	24.93	18.95	5.98	16.12	7.92	8.20
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	42.62	46.28	(3.66)	36.41	12.37	24.04
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	43.03	37.44	5.59	14.36	24.94	(10.58)

\* SA - Penyata Kewangan Sedang Diaudit Kerana Lewat Diterima

Sumber: Penyata Kewangan Badan Berkanun Negeri, Majlis Agama Islam Selangor Dan PBT

### **10.5.2. Analisis Tunggakan Cukai Taksiran Pihak Berkuasa Tempatan**

Pada keseluruhannya, sebanyak 8 daripada 12 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri yang mengemukakan Penyata Kewangan Tahun 2009 telah mengalami peningkatan tunggakan cukai taksiran antara 3.5% hingga 25.8% berbanding tahun 2008. Bagaimanapun, sejumlah 4 Pihak Berkuasa Tempatan Negeri mampu mengurangkan tunggakan cukai taksiran pada tahun 2009 antara 0.2% hingga 18.5%. Kedudukan tunggakan cukai taksiran adalah seperti di **Jadual 10.5**.

**Jadual 10.5**  
**Analisis Tunggakan Cukai Taksiran PBT**

Bil.	Pihak Berkuasa Tempatan	Tahun		Peningkatan/ (Penurunan)	
		2008 (RM Juta)	2009 (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Majlis Bandaraya Shah Alam	52.11	52.02	(0.09)	(0.2)
2.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	42.50	41.76	(0.74)	(1.7)
3.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	51.80	56.04	4.24	8.2
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	25.93	30.26	4.33	16.7
5.	Majlis Perbandaran Selayang	27.93	22.75	(5.18)	(18.5)
6.	Majlis Perbandaran Klang	47.97	57.09	9.12	19.0
7.	Majlis Perbandaran Kajang	34.43	37.54	3.11	9.0
8.	Majlis Perbandaran Sepang	22.82	20.44	(2.38)	(10.4)
9.	Majlis Daerah Kuala Langat	8.63	10.32	1.69	19.6
10.	Majlis Daerah Sabak Bernam	1.55	1.95	0.40	25.8
11.	Majlis Daerah Hulu Selangor	44.53	46.08	1.55	3.5
12.	Majlis Daerah Kuala Selangor	17.93	21.54	3.61	20.1
<b>Jumlah</b>		<b>378.13</b>	<b>397.79</b>	<b>19.66</b>	<b>5.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan PBT

### **10.6. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT**

Secara umumnya kedudukan penyerahan Penyata Kewangan tahun 2009 bagi Badan Berkanun Negeri, Kumpulan Wang, Majlis Agama Islam dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah baik. Sebanyak 20 Penyata Kewangan telah diberi Sijil Audit Tanpa Teguran manakala 3 yang lain telah memperoleh Sijil Audit Berteguran. Sijil Audit Berteguran dikeluarkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan kerana tidak mematuhi piawaian perakaunan dan peraturan kewangan serta penyelenggaraan rekod perakaunan. Bagaimanapun, adalah disyorkan beberapa kelemahan perlu diambil tindakan segera seperti berikut:

10.6.1. Rekod berkaitan dengan hak milik tanah dan bangunan hendaklah diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini.

10.6.2. Penyata Kewangan hendaklah disediakan dengan mematuhi piawaian perakaunan yang ditetapkan.



## **BAHAGIAN VI**

# **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**



**BAHAGIAN VI**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**DAN MESYUARAT JAWATANKUASA**  
**KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

**11. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor bagi tahun 2009 telah dibentangkan dalam Dewan Negeri Selangor pada 8 November 2010.

**12. MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pada tahun 2010, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor tidak membincangkan perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Pengurusan Kewangan Jabatan/Agensi Negeri Selangor Tahun 2009. Namun begitu, jawatankuasa ini telah bermesyuarat 4 kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2008.





## PENUTUP



## PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri adalah bertambah baik. Begitu juga tahap pengurusan kewangan Jabatan/Agensi pada tahun 2010 telah menunjukkan prestasi lebih baik berbanding tahun 2009 kerana Jabatan/Agensi telah memberi fokus yang lebih sejak pelaksanaan Indeks Akauntabiliti oleh Jabatan Audit Negara mulai tahun 2007. Bagaimanapun, prestasinya masih boleh dipertingkatkan lagi sekiranya Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan bukan sahaja mengambil tindakan memperbetulkan kelemahan yang telah dibangkitkan oleh pihak Audit, bahkan juga mengambil tindakan *preventive* bagi memastikan kelemahan yang sama tidak berulang. Sehubungan ini, bagi memantapkan lagi prestasi pengurusan kewangan, adalah disyorkan perkara berikut:

- a. Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara juga berlaku di bahagian lain dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada sampel dan skop tertentu.
- b. Jabatan/Agensi perlu mempertingkatkan keberkesanan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya ialah dengan memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, perancangan audit tahunan disediakan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, penilaian dibuat secara objektif dan bebas bukan sahaja berkaitan dengan aspek kawalan dalam malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi, melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi.
- c. Bagi memperbaiki tahap pengurusan kewangan, penglibatan Pegawai Pengawal/Ketua Jabatan perlu dipertingkatkan. Mereka perlu terlibat secara '*hands on*' dalam urusan tersebut.
- d. Ketua Jabatan perlu mewujudkan sistem *check and balance, frequent monitoring and audit spot checks*, mengadakan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai serta memberi latihan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan kewangan bagi meningkatkan kecekapan mereka. Ini adalah bagi mengelakkan pegawai kurang mahir atau kurang pengetahuan menggunakan budi bicara apabila membuat keputusan.

### JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya  
13 Jun 2011





## LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2010; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara  
Malaysia.

Putrajaya  
13 Jun 2011



**Lembaran Imbangan**

seperti pada 31 Disember 2010

	Penyata	Nota	2010	2009
			RM	RM
<b>WANG AWAM</b>				
A	WANTUNAI	8	918,273,694.11	617,199,566.90
B	PELABURAN	9	668,607,922.87	702,768,105.36
			<b>1,586,881,616.98</b>	<b>1,319,967,672.26</b>
<b>DIPEGANG BAGI :</b>				
<b>KUMPULANWANG DISATUKAN</b>				
C	AKAUN HASIL DISATUKAN	10	732,248,423.21	608,011,005.11
D	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	11	0.00	0.00
E	AKAUN AMANAH DISATUKAN	12	854,633,193.77	711,956,667.15
			<b>1,586,881,616.98</b>	<b>1,319,967,672.26</b>

*Lembaran Imbangan ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.*



(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Selangor Darul Ehsan



(MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN)  
Bendahari Negeri  
Selangor Darul Ehsan

14 Februari 2011

14 Februari 2011

### Lampiran III

#### Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai

seerti pada 31 Disember 2010

TERIMAAN	2010		2009	
	RM	RM	RM	RM
<b>Hasil</b>				
Hasil Cukai	517,744,564.31		471,561,692.78	
Hasil Bukan Cukai	674,055,368.07		471,153,395.01	
Terimaan Bukan Hasil	379,703,774.44		821,154,636.00	
		1,571,503,706.82		1,763,869,723.79
<b>Pinjaman</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	0.00		0.00	
		0.00		0.00
<b>Terimaan Modal</b>				
Pelbagai Terimaan Modal	10,646,435.70		17,119,511.77	
Jualan Instrumen Kewangan	34,160,182.49		0.00	
		44,806,618.19		17,119,511.77
<b>Terimaan Lain</b>				
Terimaan Amanah	137,129,568.14		0.00	
		137,129,568.14		0.00
<b>Jumlah Terimaan</b>		<u>1,753,439,893.15</u>		<u>1,780,989,235.56</u>
<b>BAYARAN</b>				
<b>Perbelanjaan Mengurus</b>				
Emolumen	(256,964,930.94)		(242,934,790.99)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(302,735,589.96)		(291,476,540.84)	
Aset	(4,542,958.39)		(1,204,404.14)	
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	(264,599,310.01)		(575,347,579.98)	
Perbelanjaan Lain	(14,379,254.60)		(11,120,593.76)	
		(843,222,043.90)		(1,122,083,909.71)
<b>Perbelanjaan Pembangunan</b>				
Langsung	(550,239,477.22)		(714,106,227.43)	
Pinjaman	0.00		0.00	
		(550,239,477.22)		(714,106,227.43)
<b>Perbelanjaan Modal</b>				
Pembelian Instrumen Kewangan	0.00		(11,742,127.91)	
		0.00		(11,742,127.91)
<b>Bayaran Balik Pinjaman</b>				
Pinjaman Dalam Negeri	(58,904,244.82)		(11,988,617.24)	
		(58,904,244.82)		(11,988,617.24)
<b>Bayaran Lain</b>				
Bayaran Amanah	0.00		(37,508,748.32)	
		0.00		(37,508,748.32)
<b>Jumlah Bayaran</b>		<u>(1,452,365,765.94)</u>		<u>(1,897,429,630.61)</u>
Tambahan /Kurangan) Wangtunai	301,074,127.21		(116,440,395.05)	
Wangtunai Pada 01 Januari	617,199,566.90		733,639,961.95	
<b>WANTUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	<u>918,273,694.11</u>		<u>617,199,566.90</u>	

Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wangtunai ini hendaklah dibaca bersama dengan penyata dan nota yang dilampirkan.

(Dato' Mohd Arif Bin Ab. Rahman)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Selangor Darul Ehsan  
14 Februari 2011

(Mohd Azizi Bin Mohd Zain)  
Bendahari Negeri  
Selangor Darul Ehsan  
14 Februari 2011

**Penyata Akaun Memorandum  
seperti pada 31 Disember 2010**

Penyata	Nota	2010 RM	2009 RM
<b>F ASET</b>			
<b>F1 Pinjaman Boleh Dituntut</b>	14a	649,450,869.93	631,077,091.90
<b>F2 Pelaburan</b>	14b	131,103,693.00	131,103,693.00
<b>F3 Tunggakan Hasil Negeri</b>	14c	502,049,617.74	601,925,994.67
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>1,282,604,180.67</b>	<b>1,364,106,779.57</b>
<b>LIABILITI</b>			
<b>G Hutang Awam</b>	15a	1,004,642,585.51	1,063,546,830.33
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>1,004,642,585.51</b>	<b>1,063,546,830.33</b>

Penyata Akaun Memorandum ini hendaklah dibaca bersama dengan Penyata dan nota yang dilampirkan.



(DATO' MOHD ARIF BIN AB. RAHMAN)  
Pegawai Kewangan Negeri  
Selangor Darul Ehsan

14 Februari 2011



(MOHD AZIZI BIN MOHD ZAIN)  
Bendahari Negeri  
Selangor Darul Ehsan

14 Februari 2011

# C Penyata Akaun Hasil Disatukan

seperti pada 31 Disember 2010

Perihal	2010			2009	
	Belanjawan	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	% Belanjawan	RM	% Belanjawan
<b>BAKI PADA 1 JANUARI</b>		608,011,005.11		673,968,808.27	
<b>I HASIL</b>					
Hasil Cukai	460,020,000.00	517,744,564.31	112.55	471,561,692.78	101.85
Hasil Bukan Cukai	422,679,000.00	674,055,368.07	159.47	471,153,395.01	88.90
Terimaan Bukan Hasil	417,301,000.00	379,703,774.44	90.99	821,154,636.00	201.76
<b>Jumlah Hasil</b>	<b>1,300,000,000.00</b>	<b>1,571,503,706.82</b>	<b>120.88</b>	<b>1,763,869,723.79</b>	<b>125.99</b>
<b>II PERBELANJAAN MENGURUS</b>					
Emolumen	275,095,161.73	256,964,930.94	93.41	242,934,790.99	90.91
Perkhidmatan dan Bekalan	312,682,448.59	302,735,589.96	96.82	291,476,540.84	96.42
Aset	6,203,180.42	4,542,958.39	73.24	1,204,404.14	89.14
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	949,155,297.26	868,643,554.83	91.52	1,283,091,197.22	91.88
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	20,863,912.00	14,379,254.60	68.92	11,120,593.76	99.97
<b>Jumlah Perbelanjaan Mengurus</b>	<b>1,564,000,000.00</b>	<b>1,447,266,288.72</b>	<b>92.54</b>	<b>1,829,827,526.95</b>	<b>92.49</b>
(Defisit)/ Lebihan Bagi Tahun	(264,000,000.00)	124,237,418.10		(65,957,803.16)	
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>		<b>732,248,423.21</b>		<b>608,011,005.11</b>	

Butir Lanjut : Penyata C1 dan C2

**NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR**

**Bagi tahun berakhir 31 Disember 2010**

(Nota ini merupakan sebahagian daripada Penyata Kewangan dan perlu dibaca bersama dengannya)

---

**DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN**

**1. Dasar Dan Asas Perakaunan**

- a) Dasar Perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang, aturan dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Penyata Kewangan Kerajaan Negeri disediakan berasaskan **tunai ubahsuai**. Secara am, semua urusniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi. Walaubagaimanapun, asas ini membenarkan bayaran dibuat dalam bulan Januari (Akaun Kena Bayar) bagi bekalan dan perkhidmatan yang diterima sehingga 31 Disember tahun sebelumnya untuk dikenakan kepada peruntukan tahun berkenaan.

**2. Kaedah Perakaunan**

Dasar perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan dua konsep seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu:-

- a) Konsep Kumpulanwang Disatukan yang berpunca dari segala hasil atau wang yang didapatkan atau diterima kecuali Zakat, Fitrah, Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya dibayar masuk ke dalam Kumpulanwang yang dinamakan Kumpulanwang Disatukan (Fasal 97 Perlembagaan Persekutuan); dan
- b) Konsep bahawa tiada wang kecuali perbelanjaan tanggungan tertentu, boleh dikeluarkan dari Kumpulanwang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri (Fasal 104 Perlembagaan Persekutuan).

Dewan Undangan Negeri memberi kuasa melakukan pembayaran dari Kumpulanwang Disatukan Negeri melalui Enakmen Perbekalan tahunan dan tambahan serta Undang-undang lain. Kuasa berbelanja yang dibenarkan melalui Enakmen Perbekalan adalah untuk maksud dan amaun yang ditetapkan dan kuasa berbelanja yang tidak digunakan akan luput pada akhir tahun. Kuasa berbelanja yang dibenarkan melalui undang-undang lain untuk maksud dan amaun yang tertentu bagi tempoh masa seperti yang ditetapkan tidak akan luput pada akhir tahun ia diberi.

**3. Kumpulanwang Yang Disatukan**

Mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61), terdapat tiga akaun berasingan yang diselenggarakan di bawah Kumpulanwang Yang Disatukan iaitu :-

- a) Akaun Hasil Disatukan (Penyata C), yang mana segala hasil negeri yang diterima dan perbelanjaan mengurus yang terlibat dikenakan kepada akaun ini;
- b) Akaun Pinjaman Disatukan (Penyata D), yang mengakaunkan semua terimaan dan bayaran pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan termasuk pindahan kepada Kumpulanwang Pembangunan Negeri atau Kumpulanwang yang lain; dan

- c) Akaun Amanah Disatukan (Penyata E), yang mana segala terimaan dan bayaran Kumpulanwang Amanah Kerajaan Negeri, deposit dan pelbagai Kumpulanwang Amanah untuk maksud tertentu diakaunkan.

#### **4. Pembentangan Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun 2010 yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 2) yang berkuatkuasa mulai tahun 2005 adalah seperti berikut:-

- a) Lembaran Imbangan;
- b) Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai;
- c) Penyata Akaun Memorandum; dan
- d) Nota Kepada Penyata Kewangan.

#### **5. Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Sebagai Entiti Perakaunan**

Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan adalah termasuk semua jabatan Kerajaan Negeri **tetapi tidak termasuk** Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.

#### **6. Tahun Kewangan**

Tahun Kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) sebagai suatu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

#### **7. Urusniaga dalam Matawang Asing**

Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara Ringgit Malaysia (RM) pada tarikh urusniaga atau pada tarikh Lembaran Imbangan.

### **LEMBARAN IMBANGAN**

#### **8. Wangtunai – Penyata A**

- a) Wangtunai adalah terdiri daripada Wangtunai Dalam Tangan, Wangtunai Dalam Perjalanan dan Wangtunai Dalam Bank.
- b) Wangtunai Dalam Bank menunjukkan kedudukan baki buku tunai setelah mengambil kira urusniaga yang belum disesuaikan seperti yang dilaporkan dalam Penyata Penyesuaian Bank. Baki wangtunai dalam bank seperti pada 31 Disember 2010 berjumlah RM906,578,555.50.

- c) Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wangtunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambilkira dalam buku tunai Pejabat Perakaunan pada akhir tahun kewangan.
- d) Wangtunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

## 9. Pelaburan – Penyata B

Pelaburan yang dilaporkan dalam Lembaran Imbangan terdiri dari lebihan terkumpul bagi ketiga-tiga akaun Kumpulanwang Yang Disatukan. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am yang dinyatakan pada nilai buku. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus pula ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

Pelaburan Kerajaan Negeri setakat tahun kewangan berakhir pada 2010 juga adalah termasuk pelaburan dalam simpanan tetap sebanyak RM1,000,000.00 di AgroBank Malaysia yang akan matang pada 18 Januari 2011. Walau bagaimanapun ia tidak dilaporkan dalam penyata ini kerana pelaburan tersebut telah dikenakan kepada perbelanjaan.

## 10. Akaun Hasil Disatukan

Akaun Hasil Disatukan memperakaunkan semua urusniaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan Perkara 98 di dalam Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61).

### a) Hasil – Penyata C1

Kutipan hasil diakaunkan mengikut asas tunai dengan mengambil kira jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil yang patut diterima tetapi sebenarnya belum diterima dalam tahun kewangan berkenaan tidak diakaunkan. Bayaran balik hasil yang dilakukan mengikut mana-mana undang-undang dikenakan sebagai perbelanjaan.

### b) Perbelanjaan Mengurus – Penyata C2

Semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang-barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulanwang Pembangunan serta wang yang diuntukkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan, Badan-badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pemberian dianggap sebagai perbelanjaan (Penyata C2).

Terimaan balik bayaran lebih yang dilakukan dalam tahun kewangan yang sama dikreditkan kepada butir perbelanjaan dari mana bayaran asalnya dibuat, manakala yang berkaitan dengan perbelanjaan tahun-tahun lepas dikreditkan kepada akaun hasil.

Perbelanjaan tanggungan terdiri dari perbelanjaan yang wajib dikenakan ke atas Kumpulanwang Yang Disatukan mengikut mana-mana undang-undang Negeri yang telah ditentukan. Perbelanjaan ini termasuklah bayaran pencen, pampasan, ganjaran, perbelanjaan hutang dan gantirugi atau bayaran atas perintah mahkamah. Walaupun

peruntukan bagi menampung perbelanjaan tanggungan disertakan dalam anggaran yang dikemukakan di Dewan Undangan Negeri, ianya tidak termasuk dalam Enakmen-Enakmen Perbekalan kerana perbelanjaan tanggungan telah terdahulunya dibenarkan oleh Undang-Undang Persekutuan.

**11. Akaun Pinjaman Disatukan – Penyata D**

Akaun Pinjaman Disatukan memperakaunkan semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan di bawah kuasa Undang-Undang Negeri dan pembayaran yang berkaitan.

**12. Akaun Amanah Yang Disatukan – Penyata E**

**a) Kumpulanwang Pembangunan – Penyata E1a**

Kumpulanwang Pembangunan Negeri yang memperakaunkan terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntuk Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, diakaunkan dalam Akaun Amanah Disatukan. Terimaan kumpulanwang ini terdiri dari pinjaman yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, caruman dari Akaun Hasil Disatukan, Pemberian Persekutuan (Geran), terimaan bayaran balik pokok pinjaman oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri, pemberian imbuhanbalik projek-projek tertentu oleh Kerajaan Persekutuan dan pelbagai terimaan. Wang dalam kumpulanwang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud-maksud seperti yang ditentukan dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dan diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri.

**b) Kumpulanwang Pinjaman Perumahan – Penyata E1b**

Kumpulanwang Pinjaman Perumahan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan 1971 bagi memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada anggota perkhidmatan awam negeri dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri. Sumber kewangan Kumpulanwang ini terdiri daripada peruntukan Akaun Hasil Disatukan dan Kumpulanwang Pembangunan, pinjaman yang diterima melalui pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan, bayaran balik pinjaman perumahan dan faedah yang diterima.

**c) Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan – Penyata E1c**

Kumpulanwang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) bagi maksud tertentu selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman kerajaan.

**d) Kumpulanwang Pembangunan Hutan – Penyata E1d**

Kumpulanwang ini ditubuhkan di bawah Akta Perhutanan Negara. Terimaan Kumpulanwang ini terdiri daripada pinjaman yang diterima dari Kerajaan Persekutuan, Caruman Dari Akaun Hasil Yang Disatukan Negeri dan Ses Pembangunan Hutan.

e) **Kumpulanwang Amanah Awam – Penyata E2**

Kumpulanwang Amanah Awam yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 (Akta 61) terdiri dari kumpulanwang khas yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri dan wang amanah yang diterima bagi maksud tertentu.

f) **Akaun Deposit – Penyata E3**

Akaun Deposit mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah tercapai.

g) **Akaun Kena Bayar**

Baki Akaun Kena Bayar merupakan jumlah ter hutang kepada pembekal barang-barang dan perkhidmatan yang diperolehi oleh Kerajaan Negeri bagi suatu tahun kewangan berkenaan tetapi bayarannya dibuat dalam bulan Januari tahun berikutnya.

### **PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANGTUNAI**

**13. Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai**

Semua penerimaan dan pembayaran wangtunai ditunjukkan dalam penyata ini. Terimaan wangtunai terdiri daripada terimaan hasil, pinjaman, modal dan terimaan-terimaan lain. Bayaran wangtunai terdiri daripada bayaran semua perbelanjaan mengurus pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran-bayaran lain.

### **PENYATA AKAUN MEMORANDUM**

Akaun Memorandum melaporkan aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang bukan merupakan sebahagian dari baki Kumpulanwang Yang Disatukan. Ia tidak termasuk di dalam Lembaran Imbangan tetapi disertakan berasingan sebagai Penyata Akaun Memorandum. Penyata Akaun Memorandum yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan terdiri dari penyata yang berkaitan dengan ASET iaitu Pinjaman Boleh Dituntut (Penyata F1), Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan (Penyata F2) dan Penyata Tuggakan Hasil (Penyata F3). Manakala LIABILITI pula meliputi Hutang Kerajaan Negeri (Penyata G).

**14. Aset – Penyata F**

Aset tetap dikenakan kepada perbelanjaan pada masa ianya dibeli atau dibina. Tuntutan kewangan oleh Kerajaan Negeri seperti hasil terakru dan pinjaman boleh tuntut tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbangan. Walau bagaimanapun, penyata pinjaman boleh tuntut (Penyata F1), pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus (Penyata F2) dan penyata tuggakan hasil (Penyata F3) dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

a) **Pinjaman Boleh Dituntut – Penyata F1**

(i) Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki hutang Badan-badan Berkanun, agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang mana pinjaman tersebut dibiayai oleh sumber Negeri.

b) **Pelaburan – Penyata F2**

Maklumat terkumpul pelaburan Kerajaan Negeri dalam Badan-badan Berkanun, syarikat dan agensi-agensi lain yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam penyata ini.

c) **Penyata Tunggakan Hasil – Penyata F3**

Maklumat terkumpul tunggakan hasil Kerajaan Negeri yang belum dapat dikutip oleh Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri termasuk lain-lain terimaan yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri.

Tunggakan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2010 meliputi **semua** tunggakan hasil yang belum diterima oleh Kerajaan Negeri.

**15. Liabiliti – Penyata G**

Liabiliti Kerajaan Negeri yang belum diselesaikan pada akhir tahun kewangan tidak dilaporkan dalam Lembaran Imbang. Walaubagaimanapun, penyata mengenai hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan (Penyata G) ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

a) **Hutang Awam – Penyata G1**

Akaun ini menunjukkan baki hutang yang terdiri dari semua pinjaman yang diambil oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan punca kewangan lain yang masih belum diselesaikan untuk membiayai projek-projek pembangunan negeri, Badan-badan Berkanun dan projek Perumahan Awam Kos Rendah.

Baki pinjaman bagi Projek Bekalan Air Selangor telah diambilalih oleh Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (SYABAS) melalui Perjanjian Konsesi Penswastaan Bekalan Air bertarikh 15 Disember 2004 di mana bayaran balik akan dibuat mulai tahun 2010 hingga 2033 oleh pihak SYABAS kepada Kerajaan Persekutuan dan Negeri. Walaubagaimanapun, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri masih dalam proses rundingan penstruktur semula industri air di Negeri Selangor dan belum dapat dimuktamadkan hingga kini. Pembayaran pinjaman bekalan air hanya akan dilaksanakan apabila proses penstruktur air ini dapat dimuktamadkan.

**16. Persembahan Penyata Kewangan dan Angka Perbandingan**

Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan tahun 2010 adalah mengikut format Piawaian Perakaunan Kerajaan (PPK 2) yang berkuatkuasa mulai tahun 2005. Persembahan dan pengelasan item di dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri tahun semasa adalah konsisten dengan tahun sebelumnya kecuali Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai dimana format dan kaedah pengiraan adalah mengikut keperluan Sistem Perakaunan Berkomputer Standard Kerajaan Negeri (SPEKS).



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5

Persiaran Perdana, Presint 2

62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)